

182

178

**JILID V**

**HARI KHAMIS**

**BIL. 4**

**8 MAC 1990**



# **LAPORAN PERSIDANGAN**

## **OFFICIAL REPORT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**  
**YANG KETUJUH**

**SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG**

**PENGGAL YANG KELIMA**

**FIFTH SESSION**

**MESYUARAT YANG PERTAMA**  
**FIRST MEETING**

**JILID V**

**BIL. 4**

**HARI KHAMIS**

**8 MAC 1990**



# **LAPORAN PERSIDANGAN**

## **OFFICIAL REPORT**

### **DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETUJUH**

#### **SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG**

#### **PENGGAL YANG KELIMA FIFTH SESSION**

#### **MESYUARAT YANG PERTAMA FIRST MEETING**

#### **Kandungan**

#### **Mukasurat**

|                                                            |    |
|------------------------------------------------------------|----|
| Perbahasan di atas ucapan TYT Yang DiPertua Negeri (samb.) | 2  |
| Usul Melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Dewan                 | 29 |
| Usul Melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Dewan                 |    |
| Peraturan-peraturan Mesyuarat                              | 30 |
| Usul Melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan     | 32 |
| Usul Melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan    | 33 |
| Pemilihan Ahli Dewa Negara                                 | 35 |

## HARI KHAMIS 8 MAC, 1990

### HADIR

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Ooi Ean Kwong)  
 Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)  
 Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Hashim bin Dato' Haji Yusoff)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por, D.M.P.N., J.M.N., J.P.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar, P.P.T.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M., J.P.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N., P.J.K. P.J.M., J.P.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli, P.J.K.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Puan Hajjah Ragayah binti Ariff, K.M.N., A.M.N., P.P.N., D.J.N., P.J.K.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Yahaya bin Jamaluddin, P.J.K.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen, P.J.K.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid, P.K.T., J.P.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat, J.P.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail, P.J.K.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang, P.J.K.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Encik Abd. Roni bin A. Hasan)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai, J.P.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Kebun Bunga (Encik Peter Huang)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng)

### TIDAK HADIR

- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar, P.J.K., P.J.M.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho, A.M.N., P.J.K.)  
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)

### TURUT HADIR

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Cik Tan Lee Lee)

Dewan disambung semula pada jam 9.33 pagi.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Sila Yang Berhormat Ahli Kawasan Ara Rendang.

Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria Bin Bakar):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian usul ucapan terima kasih kepada T.Y.T. Yang DiPertua kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Yang Pertama, Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri, pada 5 Mac, 1990 seperti yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli daripada Permatang Pasir.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di samping itu saya juga ingin memberi beberapa penjelasan mengenai perkara-perkara yang ada kaitan dengan Jawatankuasa yang saya pengerusikan. Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam perbahasan usul ada Ahli-ahli membangkitkan beberapa perkara, di antaranya termasuklah soalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ahli daripada Bagan Jermal mengenai kebakaran gerai-gerai di Jalan Mitchell. Kita sekarang tidak panggil Mitchell Pier, kita panggil Kompleks P.P.C. ataupun Kompleks Sultan Abdul Halim.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa memang seperti biasa, seperti amalan di mana-mana pun apabila berlaku sebarang bencana kebakaran dan sebagainya, Kerajaan Negeri memang memberi bantuan dan bantuan ini adalah di dalam bentuk *relief*, bukan bantuan ganti rugi. Sukacita dimaklumkan bahawa dalam kejadian kebakaran yang berlaku di tempat yang telah disebutkan, pihak Kerajaan Negeri telah menyumbang wang sejumlah \$16,650.00 kepada 22 keluarga yang terlibat. Di samping itu juga kita memberi bantuan-bantuan lain dan di antara bantuan ini termasuklah bantuan yang diberikan oleh Jawatankuasa Bencana Alam Daerah Seberang Perai Utara yang telah memberikan bantuan

sebanyak \$1,300.00 untuk bantuan keluarga, dan juga bantuan pakaian sekolah, buku-buku dan peralatan sebanyak \$1,500.00 kepada 15 orang pelajar.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Dr. Lim Boon Sho telah membangkitkan beberapa perkara. Yang pertamanya mengenai kekurangan kemudahan-kemudahan perubatan di Hospital Besar Pulau Pinang dan cadangan untuk mewujudkan pusat rawatan jantung di Hospital Besar Pulau Pinang sebagai pusat rawatan jantung bagi kawasan utara. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia, pada masa ini kemudahan-kemudahan asas perubatan yang perlu di Hospital Besar Pulau Pinang adalah mencukupi untuk memberikan perkhidmatan perubatan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan di negeri ini. Walaupun begitu, memang tidak dinafikan bahawa pada masa ini tidak ada kemudahan C.T. atau dengan izin, *scan* dan *Radio Therapy* di Hospital ini dan bagi mengatasi masalah kekurangan kemudahan ini Kementerian Perubatan dan Kesihatan telah menswastakan kedua-dua perkhidmatan ini. Yang pertamanya perkhidmatan C.T., iaitu *scan* diswastakan kepada Hospital Lam Wah Ee dan *Radio Therapy* kepada Mount Mirriam. Apabila bangunan baru Hospital Besar Pulau Pinang siap kelak, kemudahan C.T. — *scan* tidak lagi menjadi masalah kerana alat ini akan disediakan.

Tuan Speaker, mengenai cadangan supaya diadakan satu pusat rawatan jantung, cadangan ini adalah satu cadangan yang baik. Walaupun begitu cadangan ini Insyaallah akan dirujuk kepada Kementerian Kesihatan kerana perkara ini sebenarnya adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat juga telah menyarankan supaya bil-bil elektrik dan air untuk Mesjid Negeri Pulau Pinang itu dibayarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Di sini ingin saya menjelaskan bahawa Kerajaan tidaklah berhasrat untuk membayar bil-bil elektrik dan air kepada mesjid-mesjid kerana kita merasakan bahawa



mesjid-mesjid di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah di dalam keadaan berkemampuan untuk menjelaskan bil-bil itu. Saya kira ahli-ahli ataupun anak-anak qariah sendiri akan mengambil daya usaha untuk membayar bil-bil elektrik dan bil-bil air ini. Yang Berhormat juga telah membangkitkan perkara yang meminta Kerajaan Negeri untuk menyediakan peruntukan bagi menyiapkan Kuil Sri Mariamman di Simpang Empat, Nibong Tebal. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa sebenarnya Kerajaan telahpun menyediakan peruntukan sebanyak \$50,000.00 kepada kuil ini. Jadi untuk menyiapkan kuil ini kita mengharapkan pihak Jawatankuasa itu dapat mencari kewangan tambahan untuk menyiapkannya.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli Permatang Pasir ada membangkitkan perkara-perkara yang ada kaitan khusus dengan Bina Insan, di antaranya supaya kita dapat mengurangkan di antara lain, masalah-masalah penyalahgunaan dadah. Pihak Kerajaan menyedari memang dadah adalah satu masalah. Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Tanjong Bungah dan kita telah menjalankan berbagai usaha untuk mengurangkan masalah dadah di negara kita ini, dan sukacita dimaklumkan bahawa kebelakangan ini usaha-usaha daripada pihak Kerajaan yang khususnya daripada pihak Badan Pencegah mengenai dadah ini, kalau kita dapat ikut rekod-rekod yang telah dipaparkan di dalam akhbar mahupun melalui T.V. kita dapati bahawa prestasi kita amatlah baik. Malah pada tahun 1959 sahaja di segi tangkapan perutusan penangkapan kita sudah meningkat lebih daripada 50%. Ini menunjukkan usaha-usaha yang kita jalankan adalah usaha-usaha yang bersungguh-sungguh. Namun demikian, kita percaya bahawa masalah dadah ini tidak akan dapat selesai hanya oleh pihak Kerajaan Negeri sahaja, daripada pihak polis dan daripada pihak Kerajaan sahaja. Kita mengharapkan bahawa semua ahli masyarakat akan dapat memberi kerjasama ke arah membentaras penyalahgunaan dadah. Menyentuh tentang program Bina Insan kita mengharapkan supaya berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat oleh U.S.M. kita

dapati bahwa di kalangan penagih-penagih dadah kita anak-anak yang berumur di antara 15 hingga 20 tahun merupakan 70% daripada kalangan penagih-penagih dadah. Oleh hal yang demikian, maka sebahagian besar daripada program-program kita buat dan yang kita lakukan di peringkat negeri. Ini adalah bertujuan untuk ditumpukan kepada kumpulan sasar ini. Oleh itu aktiviti-aktiviti yang telah kita jalankan melalui Pemadam dan berbagai-bagai agensi lain ialah aktiviti yang memberi penekanan kepada pendidikan pencegahan dan penekanan ini kita berikan khususnya kepada aktiviti-aktiviti khususnya di sekolah-sekolah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam membahaskan usul memberi ucapan terima kasih kepada T.Y.T. Yang DiPertua Negeri, kita dapati ramai Ahli-ahli kita, Ahli-ahli Dewan ini memberi pandangan-pandangan yang bernas. Kita mengucapkan terima kasih. Di samping itu juga kita dapati sepanjang perbahasan ini ada kalanya saya kadang-kadang tertanya-tanya adakah setengah-setengah rakan-rakan kita yang ada dalam Dewan ini kurang jelas tentang fungsi Dewan ini sebenarnya. Kita dapati sebahagian besar daripada rakan-rakan kita seolah-olah menjadikan Dewan ini sebagai satu mahkamah untuk menjatuhkan hukuman. Ingin saya menarik perhatian Yang Berhormat Ahli-ahli sekalian khususnya saudara-saudara kita di sebelah pembangkang Dewan ini sebenarnya Dewan Undangan Negeri adalah tempat kita membuat undang-undang. Di sini bukanlah tempat untuk kita menjatuhkan hukuman kepada sesiapa. Untuk menjatuhkan hukuman, itu dilakukan oleh pihak Mahkamah. Mungkin oleh kerana sebahagian besar daripada rakan-rakan kita di sana, dari segi *carriernya*, dari segi *profesionnya* ada terlibat dengan Mahkamah maka kecenderongan rakan-rakan kita untuk menjatuhkan hukuman di dalam Dewan ini amat ketara sekali. Sebab itu kita dapati ada kalanya hujah-hujah yang dilemparkan, tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kita anggap tidak sepatutnya dibuat demikian. Kadang-kadang kita rasa seolah-olah bukan sahaja kita lemparkan tuduhan, dengan izin, tetapi kadang-kadang kita ingin *humiliate* orang-orang yang berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, oleh kerana kita merasakan Dewan ini Dewan yang mulia dan oleh kerana kita meletakkan taraf kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah tentu kita sebagai pemimpin-pemimpin sepatutnya menunjuk sikap yang lebih baik, sikap yang lebih dapat dicontohi. Sehubungan dengan itu juga Yang Berhormat Tuan Speaker, ingin saya menarik perhatian mengenai satu keputusan, dan kes ini kes lama, walaupun tidak melibatkan kita secara langsung, iaitu kes Suzie Teoh. Kita tahu bahawa baru-baru ini keputusan Suzie Teoh menunjukkan jelas kepada kita bahawa sistem kehakiman di negara kita masih lagi satu sistem kehakiman yang utuh, yang tidak boleh dipersoalkan. Walaupun kita dapati keputusan dibuat, maka akhirnya Mahkamah Agong telah memberi satu keputusan dan keputusan ini jelas membuktikan bahawa sistem kehakiman di negara kita ini masih lagi utuh, tidak seperti yang dikatakan oleh pihak pembangkang. Itu jelas menunjukkan bahawa kita yang ada di dalam Dewan ini, dan juga pihak Kerajaan memang berhasrat bersungguh-sungguh untuk menegakkan sistem dan amalan-amalan yang kita jalankan sekarang. Cuma dalam kes Suzie Teoh ini saya tidak seronok sedikit kerana apabila keputusan dibuat begitu, ada pihak rakan-rakan kita di sebelah sana cuba mendapat kredit mengatakan bahawa yang menjayakan ini adalah ahli-ahli daripada DAP, kebetulan sahaja *lawyer-lawyer* itu adalah ahli DAP. Jadi dalam hal ini, sebab itulah kita kena melihat jelas-jelas *function* kita di sini sebagai siapa, *function* kita di luar sebagai siapa, supaya dalam menjalankan tugas kita kita betul-betul jelas dan supaya kita tidak dapat mengelirukan orang. Ada kalanya kita cuba nak mengatakan *function* kita sebagai *profession* kita sebagai mata pencarian kita, kita kata itu juga tugas kita sebagai ahli politik. Jadi Tuan Speaker, saya harap sungguh-sungguhlah supaya Dewan yang kita anggap sebagai Dewan yang mulia, marilah kita pelihara kemuliaan Dewan ini. Kalau kita mengatakan kita adalah orang-orang yang patut dicontohi, malah tindak tanduk dan tindakan kita di sini juga mencerminkan bahawa kitalah pemimpin-pemimpin yang patut dicontohi oleh semua peringkat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam ucapan terima kasih atas ucapan Tuan Yang Terutama.

Tuan Speaker, Dewan ini telah bersidang sudah 4 tahun semenjak pilihanraya yang lalu, tetapi sebenarnya kita kecewa dengan telatah pihak pembangkang. Selama 4 tahun kita ada dalam Dewan ini mereka belum menunjukkan tanda-tanda kepada orang Pulau Pinang ini mereka dapat memerintah negeri ini. Yang mereka tunjukkan Tuan Speaker ialah telatah mahu menunjukkan orang lain itu tidak betul dan orang lain itu salah. Itu bukan ciri orang yang mahu memerintah dan ciri itu tidak patut kita beri kepada satu parti yang cuba hendak memerintah. Jadi kita tidak boleh memberi sokongan kepada ciri ini sebab kalau mereka memerintah orang sahaja yang salah, mereka saja yang betul. Jadi saya harap orang Pulau Pinang harus ingat akan perkara ini. Strategi mereka dalam Dewan ini paling senang sekali. Mereka mahu menunjukkan bahawa parti atau pemerintah ataupun Kerajaan di sebelah sini tidak boleh memerintah dengan baik. Oleh itu orang Pulau Pinang kena memilih *alternative* dan *alternativenya* ialah parti pembangkang DAP dan mungkin juga parti yang bernombor — parti 2 nombor, bukan 4 nombor — Parti 46 lah — 2 nombor, bukan sahabat PAS dan DAP. Kita hari ini melihat oleh sebab nak menunjukkan bahawa Parti Kerajaan ini tidak boleh memerintah, mereka mahu membangkitkan perkara-perkara yang tidak seharusnya dibangkitkan, perkara-perkara yang kecil, perkara-perkara mengenai menghina orang lain, perkara-perkara seperti kata sahabat-sahabat saya ini, kita tahu, seperti kesalahan orang lain. Kita menghina orang lain, perkara-perkara seperti kata sahabat saya ini mahu *pick up* kesalahan orang lain. Kita menghukum orang lain, kita tahu, seperti orang putih kata tiap-tiap orang itu mempunyai hak. *Even those who are guilty*. Orang yang salah pun mempunyai hak, apatah lagi orang yang belum dihukum

apa-apa. *Even those who are guilty also have their rights.* Seolah-olah dalam dunia ini apabila kita membuat hukuman, meletakkan hukuman kepada seseorang itu kita menghinanya dia. *There is no dequorum.* Saya sebagai seorang Ahli Majlis, sebagai seorang Ahli ADUN, sungguh-sungguh berasa malu kerana sahabat-sahabat saya berkelakuan sedemikian, tidak ada *dequorum*. Sekarang tidak ada — inikah parti? Inikah orang yang mahu memerintah Pulau Pinang? Mengata kepada seseorang tetapi orang yang menjawab atau ingin membela diri tidak ada dalam Dewan ini.

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):**

Penjelasan, jikalau ada orang-orang yang buat salah, patutlah parti pembangkang mengkritikkan mereka, menimbulkan perkara ini dalam Dewan ini. Itu bukan boleh dikatakan satu fitnah, sesiapa yang jikalau kita timbulkan satu perkara parti sebelah sana kata pergi ke Mahkamah. Bukan selalu kita pergi ke Mahkamah. Kita ada satu tugas di sini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Tuan Speaker, saya tidak kata yang kita tidak boleh bangkitkan di sini. Bila saya kata tidak boleh bangkit di sini? Kita boleh bangkitkan di sini. Tugas kita sebagai Wakil Rakyat kita boleh bangkitkan apa yang kita mahu bangkitkan, tidak ada salah. Tetapi cara kita membangkitkan, cara kita membangkit dan cara kita mengatakan kepada orang, itu tidak betul. Saya tidak kata tidak boleh bangkit. Ya, boleh bangkit, tiada masalah kalau mahu bangkitkan. Jadi Tuan Speaker, kita jangan cakap seolah-olah parti pemerintah ini buat kerja hanya untuk pilihanraya. Bila kita pergi ke Prai, kata sebab pilihanraya mahu datang, baru pergi ke Prai. Kita sudah pergi Prai lama, dia tidak tahu.

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):**

Sebab dia tidak pergi!

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Saad):**

Dia tidak pergi, betul!

Saya mahu kata kepada Ahli Kampong Kolam, saya mahu tahu parti DAP yang mengatakan parti ini memperjuangkan semua kaum, O.K. parti yang memperjuangkan semua kaum, sejak bila? Saya duduk dalam Dewan ini sudah 4 tahun, saya tidak pernah dengar satu isu orang Melayu pun dibangkitkan. Tetapi semalam Kampong Kolam membaca suratkhbar Watan, kenapa? Sebab apa? Sebab pilihanraya hendak datang!

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Tuan Speaker, bukan membangkit isu orang Melayu, isu orang India, isu orang Cina. Kita bangkit isu orang Malaysia, semua orang. Kita bukan asingkan isu itu, ini isu orang Melayu, ini isu orang Cina, ini isu orang India . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Orang Melayu bukan orang Malaysia?

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Ya, dia Melayu orang Malaysia. Kita bangkit isu itu, seperti orang anak Pulau Pinang, tidak kira dia Melayukah, Cinakah, Indiakah . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Siapa anak Pulau Pinang?

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Semua!



Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):

Kampong Kolam anak Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):

Ya, semua!

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Saad):

Oh! Hari ini baru saya dengar. Tolong tulis dalam surat khabar Ahli Kampong Kolam anak Pulau Pinang!

Tuan Speaker, hari ini kita mendengar bahawa parti pembangkang ini dia bekerja sama dengan Semangat 46. Tetapi dia tidak bekerjasama dengan PAS. Saya susah juga mahu fikir perkara ini. Orang putih kata, dengan izin, *A is equal to B, B is equal to C, so A is equal to C*.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan. Mengikut *equation* itu UMNO, MCA, Gerakan semua ada dalam parti Barisan Nasional. MCA campur dengan UMNO, Gerakan campur dengan MCA. Adakah itu bermakna bahawa Gerakan bersama-sama UMNO juga semangat perjuangan? Apa pula MCA, adakah dasar-dasar ..... (gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Saad):

Duduklah! *Simple equation* pun dia tidak tahu! Bagi *confuse* sahaja Tuan Speaker, tidak payahlah! Konsep Barisan Nasional pun dia tidak tahu!

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Semua serupalah!

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):

Bukan semua serupa, tidak serupa.

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lam):

Penjelasan Tuan Speaker, Barisan Nasional dia tidak tahu — “Ampu” dia tahu!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):

Sudah! *Don't waste the time!*

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Bagi penjelasan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):

Tidak payah, tidak payah!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Barisan harap DAP pakat dengan PAS?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):

Bukan harap — *don't deny!*

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Mahu mainkan isu perkauman dan *religion!*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):

Bukan saya mahu buat satu isu. Saya

kata don't deny. Sesiapa pun, parti mana pun boleh . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tidak payah *deny* oleh kerana kita tidak pakat dengan PAS langsung.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Kena beritahu Semangat 46lah, beri tahu saya buat apa? O.K., semua ada program. Saya duduk sini saya belum dengar apa program. Program dia dua saya tahu — satu Encik Lim Kit Siang jadi Ketua Menteri, satu lagi Tengku Razaleigh jadi Perdana Menteri. Timbalan Perdana Menteri saya tidak tahu siapa lagilah.

Tuan Speaker, saya mahu jawab sedikit-sedikit sebab pertama sekali berkenaan dengan . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

*Point* sudah habis?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Bukan habis, mesti jawab, kerja saya jawab. Jumlah kursus pertanian yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian pada tahun 1989 ialah 336 kursus — hari-hari ada kursus — yang melibatkan 11,550 orang petani dan kursus di peringkat kawasan ada 298 kursus dan melibatkan 10,541 peserta dan kursus di pusat latihan ada 38 kali dan 1,900 peserta. Berkenaan dengan projek IADP yang dibangkitkan oleh Ahli ADUN Penaga, perancangan projek IADP pada masa ini kita berasaskan kepada strategi *bottom up*, iaitu kita mengambil kita pandangan dari golongan bawahan. Sebelum sesuatu projek dilaksanakan di sesuatu kawasan, beberapa majlis dialog diadakan dan penerangan diberi sejelas-jelasnya mengenai projek yang dicadangkan. Oleh itu saya kira terdapat maklumbalas dari golongan sasaran seperti

yang berlaku di M1, yang disebutkan oleh ADUN Penaga, maka cadangan projek tersebut akan dikaji semula. Gangguan bekalan air dalam tempoh melaksanakan, iaitu untuk beberapa musim adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam pelaksanaan projek seperti itu. Begitu jugalah projek jalan raya, projek paip air dan sebagainya maka apabila kita hendak menjalankan projek itu ada gangguan dan sudah tentulah petani-petani harus bersabar sehingga projek itu selesai. Tempoh gangguan cuma dipendekkan dan membahagikan projek itu kepada beberapa *package*, supaya kita dapat kurangkan.

Ini berkenaan dengan ADUN Telok Kumbar mengenai hakisan sungai di kawasan Sekolah St. George, Balik Pulau. Peruntukan sebanyak \$40,000.00 sudah dicadangkan dan program pembangunan tahun 1991. Kuala Sungai Pinang di mana saya melawat dengan ADUN Telok Kumbar, ini cetek, memang kita tahu, tetapi kita cuba hendak menjalankan satu cara yang baru dan kita cuba di Sungai Belanak di Seberang Perai Tengah dan apabila cara ini berkesan dengan baik, maka kita akan cuba di Sungai Pinang, Daerah Telok Kumbar.

Berkenaan dengan sahabat saya daripada Jawi, untuk pengetahuan, setakat ini ada 1,091 orang penternak babi dan memelihara 299,000 S.P.P. Tahu S.P.P. apa? — *standing pig population*. Memang benar penternak semakin berkurangan, tetapi jumlah pemeliharaan babi tetap serupa. Arah aliran ini bukan disebabkan oleh Kerajaan, tetapi adalah oleh kerana kehendak industri beroperasi dalam pasaran babi. Sudah pasti ladang-ladang besar lebih *competitive* kerana faktor *economy of scale and cost* pengeluaran ladang kecil akan tinggi dan tidak dapat bersaing. Tidak benar kenyataan bahawa Kerajaan tidak memberi apa-apa bantuan kepada penternak babi. Setiap tahun Dewan ini meluluskan \$72,000.00 untuk bekalan *vaccine swine fever*. Maknanya dia tidak pernah baca belanjawan. Ada dalam belanjawan, dan eksport ke Singapura 1988 — 866 meningkat tiap-tiap tahun. Jadi maknanya dia dapat faktor yang salah.



Berkenaan dengan badan petugas. Badan petugas yang dibangkitkan oleh sahabat saya dari Machang Bubok, daripada Perai, daripada Berapit, itu ditubuhkan pada bulan November dan pada hujung bulan November kita telah mengadakan mesyuarat dan menetapkan *modus operandi* oleh sebab itu adalah satu Jawatankuasa yang baru dan ditetapkan. Kalau tidak ditetapkan dan tidak ada syarat-syarat, nanti DAP marah pula. Pengerusi bersama saya sendiri dan Datuk Khoo Kay Por dan termasuklah Perancang Bandar dan Desa, Pengarah UPEN, Pegawai Daerah SPU, SPT, SPS dan sebagainya sampai semua, dan kita membahagikan tugas kita kepada langkah jangka pendek dan jangka panjang. Jangka pendek kita mengenalpasti 73 buah kampong di seluruh Negeri Pulau Pinang, SPU ada 8, SPT ada 11, DTL ada 53, Barat Daya ada 1. Langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah kemunduran dan kemiskinan adalah mengadakan kemudahan asas bekalan api dan air, mengadakan infrastruktur asas seperti jalan, lampu-lampu jalan dan sebagainya dan mengadakan tandas curah dan sebagainya — *that is* langkah jangka pendek. Langkah jangka panjang merancang dan mendapatkan peruntukan pembangunan yang lebih. Peratoran supaya sekim-sekim pembangunan dan infrastruktur seperti sekolah, balairaya, surau dan tempat-tempat agama yang lain, padang permainan dan lain-lain, kampong-kampong yang telah dikenalpasti untuk pembangunan *ad hoc*, secara *immediate* adalah di Kuala Perai, Bagan Dalam, Hujung Batu di Seberang Perai Utara, Kampong Balai Pukat, Kampong Gajah dan di Daerah Timur Laut di Kampong Tengah, Jelutong dan di Barat Daya di Kampong Sungai Nibong. Saya ingat Yang Berhormat Ahli Kawasan Prai boleh buat *announcement* sebab dia selalu, parti DAP parti menumpang sekaki, bila saja dia tahu Kerajaan ada program, dia beritahu kepada rakyat bahawa dialah buat!

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Jadi *champion* Yang Berhormat Ahli Mak Mandin!

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Berapa pun sekarang dia bagi tahu kepada . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya, bolehkah program-program itu dilaksanakan sebelum pilihanraya?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Kita akan cuba laksanakan secepat mungkin. Saya tidak tahu bila pilihanraya. Kalau ADUN dari Prai tahu bila pilihanraya beri tahulah. Kita akan cuba. Kalau dia kata pilihanraya akan datang kita lagi cepatlah. Apa masalahnya? Tidak ada masalah — *what's the problem? If you want to have it before the election so what?*

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

*Carry onlah!*

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Tetapi kalau tidak diadakan sebelum pilihanraya itu menjadi satu jaminan kosong untuk pilihanraya. *Election promise!*

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Kita tunggu. Kosong tidak kosong — dia minta kosong supaya dia boleh cakap, tengok! Kita tidak kasi "chan" dia cakap macam itulah. Mesti kita buat!

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Penjelasan boleh? Seperti Menteri Pendidikan sekarang yang mahu keliru rakyat di Seberang Jaya di mana ambil satu sekolah lama untuk gantikan sebagai satu sekolah. Itu bukan sekolah baru. Dia janji hendak bagi satu sekolah baru di Seberang Jaya, tetapi sampai sekarang tidak ada.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Ini masalah Ahli Kawasan Pengkalan Kota, fasal dia tidak duduk di Seberang Jaya. Dia bukan jurucakap, jurubicara orang-orang Tionghua di Seberang Jaya. Orang Tionghua Seberang Jaya sudah setuju. Kalau orang Seberang Jaya tidak setuju dia akan tunjuk dia tidak setuju di pilihan-raya akan datang.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tunggulah!

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Tidak apa, kita tunggu.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Belum tahu lagi!

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

You pun belum tahu lagi!

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Jangan lari!

**Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lam):**

Tuan Speaker, penjelasan. Kalau mahu

kami tidak lari, saya minta Ahli Pengkalan Kota pun jangan lari.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, saya minta Ahli Mak Mandin juga jangan lari.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):**

Tuan Speaker, saya juga minta Ahli Berapit jangan lari.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Saya juga minta Ahli Paya Terubong jangan lari, duduk di tempat asal.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):**

Berapit jangan lari!

**Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):**

Kalau saya tidak lari, macam mana?

**Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):**

Saya tetap tidak lari!

**Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):**

Kalau you tidak lari, you . . . . .  
... (gangguan)

**Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat, kalau you tidak lari, dia mesti tidak lari, sama-sama tidak lari!

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Lagi sekali baru lari!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Kalau tidak, mesti dia mahu letak jawatanlah! Itu dia mesti buat janji di Dewan yang mulia ini, boleh? Yang Berhormat dari Paya Terubong, saya cabar dia!

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Kalau Ahli Berapit tidak lari dia bertanding di Berapit, jadi dia ada guts . . . . .  
. . . . (gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):

O.K., O.K. duduk-duduk! Saya mahu cakap. Nampaknya saya kena jadi Tuan Speaker. Saya pun hairan juga Tuan Speaker, DAP kata mereka parti Kerajaan. Bila kita mahu ubah tempat dia kata kita takut kita mahu lari. Tetapi kalau dia mahu ubah tempat dia cakap dia sudah kuat, sebab itu dia mahu ubah tempat. Apa erti ini?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):

Saya cadang DAP tukar nama. . . . .  
. . . . (gangguan)

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

UMNO baru mahu tukar nama dulu!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):

Saya cadang DAP tukar nama. . . . .  
. . . . (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Itu sudah sebut dululah! "Depa, anak . . . . (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):

Itu dulu, sekarang sudah ada nama baru.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Belum cakap orang sudah tahu, itu cerita lama!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):

Saya beri nama baru, boleh tidak? Kalau tidak boleh, dengar sudahlah. Ada orang tidak tahu saya mesti beri tahu. Banyak orang tidak tahu. Dulu tak usah cakaplah, saya beri nama baru kerana nama dulu cukup teruk, tukar kerana "Depa Angkatan Pelarian."

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):

Terima kasih. Saya mahu cakap sekarang. Parti kita bukan parti yang *apologetic*. Kita memang sedar kita mahu memperjuangkan nasib kita, nasib orang-orang satu kaum. *We are not apologetic about it*, tetapi sekurang-kurangnya kita ada parti lain, kita ada MCA, kita ada Gerakan, kita ada MIC yang *memoderatekan* pendirian kita . . . . . (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

MIC mana ada?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):

Ada. Baiklah saya tidak mahu lari daripada isu. Saya mahu jawab berkenaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Seberang Jaya. Betul kita cari tanah lama mahu buat, tetapi akhirnya apabila dapat tanah Sekolah Sing Kiaw daripada Kampong Pertama kita bincang dengan Lembaga Pengurus, Guru Besar, PIBG, dia kata dia mahu buat 8 bilik darjah.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Penjelasan boleh? Mengenai soal mencari tanah, mengapa Kerajaan Negeri tidak boleh memberi sekeping tanah yang sesuai, sedangkan kawasan tersebut adalah kawasan yang baru, bukan telah dimiliki oleh pihak-pihak mana.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Itu persetujuan kita, mereka cari tanah, apabila mereka sudah dapat tanah, dia kata dia mahu buat 8 bilik darjah. Kita bincang dengan dia . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Mana boleh, tidak ikhlas!

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Kita kata tidak ada tanah, kalau buat sekolah bolehkah kita tambah sebab kita sudah janji kepada penduduk orang-orang Tionghua Seberang Jaya. Dia kata O.K. boleh kita buat 24 bilik darjah — 3 kali ganda. Kalau kita mahu cari tanah lagi belum dapat sekolah itu menjadi lama. Kita panggil semua masyarakat Tionghua di Seberang Jaya dan termasuk DAP lah sebab mungkin mereka lari seperti Datuk Rahman kata. Mereka bersetuju. *So who are we to say this?* Tidak apa, sebab apa? Strateginya senang Tuan Speaker, dia mesti bangkit, supaya dia dapat kata kepada masyarakat orang-orang Tionghua di pilihanraya akan datang. Tengok! DAP lah yang buat *pressure* sebab itu Kerajaan buat. O.K., saya mahu jawab ADUN dari Berapit, sahabat saya dari Telok Kumbar, saya nak jawab bagi pihak dialah. Jambatan itu dibina oleh K.T.M. atas arahan J.K.R. pada tahun 1937 dan telah ditutup pada awal 1989 dan dirobuhkan pada tahun lalu. Sebagai langkah sementara pihak K.T.M. telah membenarkan jejambat dalam kawasan stesyen keretapi Bukit Mertajam digunakan oleh murid-murid

sekolah untuk melintasi landasan keretapi. Sebab apa, saya tahu Yang Berhormat daripada Berapit sebab saya Pengerusi PIBG sudah meminta K.T.M. membenarkan kanakkanak sekolah menggunakan jejambat satu lagi di dalam stesyen dan pihak K.T.M. membenarkan. Jadi jangan cakap cerita-cerita lain. Dalam perbincangan yang lalu juga pihak K.T.M. bersedia untuk membina jejambat itu. Jawatankuasa Kerja Raya telah memutuskan supaya jejambat ini dibina oleh Kerajaan Negeri dengan peruntukan Kerajaan Negeri dan rekabentuk sedang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya. Pejabat Daerah baru di Sungai Rambai adalah sebanyak 97.4. Ini di Sungai Rambai telah diambil alih dan sebahagian daripadanya 11 ekar akan dicadangkan tapak Kompleks Pejabat Daerah Seberang Perai yang baru. Pada masa ini J.K.R. sedang menyediakan rekabentuk bangunan yang dicadangkan.

Berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh ADUN Tanjong Tokong, berkenaan kakitangan minta duit, setakat ini J.K.R. tidak mempunyai sebarang bukti terhadap pegawai yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun pihak J.K.R. akan mengalu-alukan sekiranya mana-mana pihak, termasuk daripada ADUN tadi, dapat memberi makluman dan membolehkan siasatan lanjut dibuat dan tindakan diambil sewajarnya. Jadi saya kira itu sahaja, Tuan Speaker, dan lain-lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sungai Bakap semua itu kita akan arah, dan berkenaan dengan Bagan Jermal dan sebagainya saya akan ambil tindakan lanjut. Saya bangun untuk menyokong.

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):**

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri dan mengambil kesempatan memberikan sedikit penjelasan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.



Yang pertama Ahli Kawasan Permatang Pasir dan Kawasan Penaga yang telah membangkitkan perkara-perkara tentang industri kampung ataupun industri kecil tempatan dan meminta pihak Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan industri tersebut oleh kerana industri-industri seperti ini boleh memberi manfaat kepada penduduk-penduduk tempatan. Satu pandangan yang konstruktif dan baik di mana pihak Kerajaan patut memberikan sokongan. Tuan Speaker, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa pihak Kerajaan Negeri memang menggalakkan pertumbuhan industri kecil ataupun industri kampung di negeri ini dengan kerjasama beberapa agensi-agensi Kerajaan seperti MARA, PERDA dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat-Yang Berhormat dari kawasan yang saya sebutkan tadi akan diambil perhatian dan kita boleh bersama-sama berunding lebih dalam lagi hal ini untuk meninggikan taraf sosial ekonomi bagi penduduk-penduduk di luar bandar.

Yang kedua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang perkara-perkara latihan kemahiran yang sudah ada dalam negeri ini. Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini memberikan gambaran mengenai latihan-latihan kemahiran yang diusahakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, melalui Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang ataupun P.S.D.C. baru-baru ini, Kerajaan Negeri telahpun mengambil langkah yang konkrit dalam usahanya untuk menggalakkan para pekilang menghantarkan pekerja-pekerja mereka ke pusat itu untuk mendapatkan latihan tambahan. Sejak penubuhan P.S.D.C., kursus-kursus latihan yang diberikan setakat ini merangkumi aspek-aspek kemahiran seperti kemahiran teknikal, kemahiran pengurusan, kemahiran pengeluaran dan pendidikan lanjutan untuk pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat di kilang mereka.

Bagi belia-belie yang masih menganggur ataupun pelajar-pelajar lepasan sekolah,

Kerajaan Negeri telah menyediakan skim-skim bekerja sambil belajar. Di bawah skim ini pelatih-pelatih diberi peluang untuk memperolehi jenis kemahiran yang bersifat asas mengikut minat mereka. Kerajaan Negeri berharap melalui skim ini para pelatih dapat memperolehi jenis kemahiran yang dapat memudahkan mereka nanti mencari kerja ataupun memulakan perniagaan sendiri.

Tuan Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Prai adalah sebenarnya merujuk kepada satu program pembangunan kemahiran Kerajaan Negeri yang terbaru. Di bawah program kemahiran ini, peserta-peserta diberi latihan kemahiran dalam tiga bidang kursus iaitu pertukangan mesin am, pertukangan juruteknik am dan pertukangan juruteknik elektrik dan elektronik mengikut minat pilihan masing-masing. Bilangan peserta dalam setiap kursus tersebut terpaksa dihadkan kepada satu jumlah yang tertentu iaitu antara limabelas hingga tigapuluh orang. Ini adalah kerana setiap peserta yang melalui kursus ini dikehendaki mendapatkan latihan amali yang berjenis "*On the machine training*", dengan izin. Justeru itu untuk menghasilkan pelatih yang berkelibar dan bermutu bererti setiap peserta tersebut perlu diperuntukkan satu mesin khas untuk latihan sepanjang tempoh amalnya di kilang tersebut.

Tuan Speaker, saya sekali lagi mohon menyokong usul itu. Sekian.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama DiPertua Negeri kerana berkenaan melafazkan ucapan beliau pada 5 Mac 1990 yang lalu.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memberikan penjelasan dan jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya masalah yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat daripada Kawasan Prai berhubung dengan tuduhan liar terhadap rasuah mengenai pembekalan **quarry waste** dan **quarry dust** oleh Pejabat Daerah di Kawasan Bagan Dalam. Suka saya menyatakan di sini bahawa tindakan yang diambil oleh Pentadbir Daerah Seberang Perai Utara adalah berasaskan kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Kita telah mengadakan proses sebutarga dan apa yang kita bekalkan adalah melebihi dari apa yang diminta oleh penduduk-penduduk di kawasan berkenaan. Jadi saya suka mengingatkan Yang Berhormat dari Kawasan Prai bahawa jangan mengambil kesempatan ini seolah-olah projek ini adalah diperjuangkan oleh Yang Berhormat daripada Kawasan Prai. Sebenarnya rakyat atau pengundi-pengundi di kawasan Prai, saya yakin tidak akan mengulangi kesilapan mereka yang mereka lakukan pada tahun 1986 apabila menghadapi pilihanraya umum yang akan datang.

**Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):**

Penjelasan!

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

Saya tidak habis, biar saya jawab dahulu.

**Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):**

Penjelasan!

**Tuan Speaker:**

Tidak payahlah, dia tidak beri jalan.

**Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):**

Jangan buat ucapan yang liar.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

Ini tidak liar. Itu betul — bukan liar.

Saya kata, pengundi-pengundi dalam Kawasan Prai tidak mahu perkara yang sama lagi. Itu harapan saya. Apa salahnya itu bukan satu tuduhan yang liar. Kalau saya kata Yang Berhormat Kawasan Prai jahat itu mungkin satu tuduhan yang liar — ini tidak. Saya mengingatkan yang saya tidak mahu satu tuduhan yang liar.

Tuan Speaker, betul? . . . (ketawa).

Jadi Yang Berhormat Kawasan Prai apabila masuk Kawasan Bagan Dalam, dia tengok seolah-olah macam kuda — saya tidak kata Yang Berhormat kuda — yang ditutup matanya sebelah sini, dia jalan: Dia kata inilah saja projek yang dibuat oleh Pejabat Daerah. Jadi yang sebenarnya kita buat adalah banyak, jalan-jalan untuk faedah penduduk-penduduk dalam Kawasan Bagan Dalam, dan yang boleh membawa perubahan, yang boleh memberikan kemudahan infrastruktur kepada penduduk-penduduk adalah Kerajaan Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Penjelasan! Penjelasan!

**Tuan Speaker:**

Dia tidak beri jalan.

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Penjelasan!

**Tuan Speaker:**

Sila duduk! Dia tidak beri jalan.

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Penjelasan! Penjelasan boleh?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

Jangan ambil masa sayalah. Saya hendak cakap.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Semua serupa. Tidak tahu!

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

Tidak serupa punya.

Tuan Speaker, berhubung dengan pengambilan balik tanah yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya daripada pembangkang iaitu pengambilan balik tanah di Kawasan Juru, Mukim 6 dan Mukim 11. Sepertimana kita sedia maklum bahawa Negeri Pulau Pinang tidak ada tanah Kerajaan lagi dan Negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang pesat membangun. Oleh kerana kepesatan membangun dan kita perlu ada tanah untuk membangun kawasan-kawasan perindustrian ini maka tidak ada pilihan lain Kerajaan Negeri terpaksa mengambil tanah di bawah peraturan ini *Land Acquisition* 1960. Jadi kita telah mengambil kira dalam proses pengambilan balik ini. Kita mengambil kira di bawah peruntukan *Federal Constitution, Article 13* yang jelas menyatakan, dengan izin:

“13. Write to property:

13(ii) No law shall provide for the compulsory acquisition or use the property without adequate compensation”.

Ini jelas bahawa apabila kita mengambil tanah-tanah yang berkenaan, kita menjaminkan bahawa nilai ataupun pampasan yang akan diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri adalah mengikut nilai pasaran terbuka pada masa tanah yang berkenaan diwartakan. Sekiranya tuan tanah tidak berpuashati dengan nilai yang ditawarkan ataupun yang diputuskan oleh Pemungut Hasil Tanah ataupun Pentadbir Tanah Daerah maka undang-undang membenarkan orang-orang yang tidak berpuashati untuk mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Tinggi dan keputusan yang dibuat

oleh Mahkamah Tinggi adalah keputusan muktamad dan pihak-pihak yang terlibat akan mematuhi. Jadi dalam soal ini, kita ambil tanah untuk pembangunan industri bukan saja untuk pelabor-pelabor luar tetapi juga penanam-penanam modal tempatan dalam Negeri Pulau Pinang ataupun dari negeri-negeri lain dalam Malaysia. Adakah pembangkang tidak mahu projek pembangunan ataupun pembangunan perindustrian ini yang secara langsungnya akan memberi kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang bekerja kepada rakyat? Saya ingin tanya Yang Berhormat dari Prai, Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal, Yang Berhormat dari Pengkalan Kota dan Yang Berhormat dari Kawasan Berapit?

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Penjelasan, boleh?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Dia sudah kata tidak berani bagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

Tidak payah jawablah.

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Penjelasan, boleh?

**Ahli Kawasan Berapit (Encik Chiang Heng Kai):**

Mesti tidak bolehlah, tidak berani.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Dia punya style, tidak payah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

Tidak payah *provoke* sayalah.



**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Buang masa.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

Buang masa saja.

Jadi ada setengah-setengah tanah yang kita masuk di bawah Sijil Akuan Segera. Kita ada undang-undang, kita ada peruntukan di bawah *Land Acquisition Act* yang membolehkan kita masuk walaupun pampasan belum dibayar lagi. Kita rasakan perlu kita masuk dan kita masuk. Sekiranya kita gagal membuat bayaran pampasan dalam masa tempoh 3 bulan maka undang-undang menyatakan pihak Kerajaan kena bayar pampasan itu tambah 80% *interest*. Kita akan ikut peraturan ini. Perkara-perkara yang tidak ada isu terhadap Kawasan Bukit Tengah, kita hendak gunakan ini sebagai isu. Oh! Kerajaan ambil tanah tuan-tuan, tidak adil! Banyak lagi tanah-tanah telah Kerajaan ambil, bukan saja di Bukit Tengah, di kawasan saya yang terlibat dengan Lebuhraya Utara-Selatan tetapi rakyat di sana faham.

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Saya mahu kemukakan satu soalan . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

. . . Rakyat di Bukit Tengah pun faham, cuma yang tidak faham rakan-rakan saja.

**Ahli Kawasan Berapit (Encik Chiang Heng Kai):**

Dia tidak beranilah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

Kita tidak mahu buang masa, kita hendak bercakap . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Bukan buang masa . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

Yang berani bukan saja Benggali, tahu?

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Tidak berani lagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

Kita berani tetapi kita tidak mahu buang masa.

Jadi supaya jangan memutarbelitkan isu pengambilan balik tanah ini untuk kepentingan politik. Ini pandangan yang sempit yang diamalkan oleh rakan-rakan saya dalam parti DAP.

Jadi Tuan Speaker, saya sekali lagi ingin mohon menyokong.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por):**

Tuan Speaker, saya bangun mengambil bahagian mengucapkan terima kasih di atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang mengenai beberapa tegoran dan cadangan daripada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat. Sukalah saya memaklumkan dan menjelaskan perkara-perkara yang berbangkit dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai kesesakan lalulintas di Pekan



Bukit Mertajam, Pihak Berkuasa Lalulintas Seberang Perai sedang berusaha untuk menyelesaikan kesesakan ini. Semua teguran dan cadangan mengenai lampu-lampu isyarat, lampu-lampu jalan dan persediaan petak dan garisan kuning di jalan-jalan yang tertentu telah diambil perhatian yang mana perkara-perkara ini akan dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Lalulintas yang akan datang. Usaha-usaha akan terus dijalankan untuk mendapatkan para penjaja di tempat-tempat yang lebih strategik dan selesa. Ini akan dilakukan sebaik-baik sahaja kawasan-kawasan yang sesuai dikenalpasti dan dipersetujui oleh pihak yang berkenaan, khususnya oleh Persatuan Penjaja-penjaja.

Saya suka memaklumkan bahawa perkhidmatan semua kontraktor kebersihan sampah telah dan akan diawasi dengan lebih gigih lagi di mana tindakan tegas akan diambil ke atas kontraktor-kontraktor yang lemah prestasinya. Ini terbukti dari tindakan menamatkan kontrak perkhidmatan pembersihan sampah di Zon 6, Bukit Mertajam. M.P.S.P. sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi perkhidmatan mengangkut sampah di Seberang Perai.

Cadangan Pasar di Pekan Permatang Pauh dan Pekan Penanti. Kerajaan memang sedar bahawa di beberapa kawasan di Seberang Perai perlu diwujudkan kawasan pasar yang teratur untuk kemudahan orangramai. Berikutan dengan ini cadangan untuk mengadakan pasar di Pekan Permatang Pauh dan Pekan Penanti telah dicadangkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Mengenai saranan Yang Berhormat ADUN daripada Batu Uban kepada agensi-agensi Kerajaan untuk menanam pokok-pokok dan mewujudkan kawasan hijau, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Jawatankuasa Penyelaras Program Pengindahan telah ditubuhkan di Peringkat Negeri dan dianggotai oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi seperti Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Hutan, Jabatan Pertanian, Jabatan Kebun Bunga, J.K.R., M.P.P.P., M.P.S.P. dan juga P.D.C. Jawatankuasa ini menyelaraskan segala usaha-usaha

pengindahan oleh beberapa agensi yang terlibat dan bertindak berlandaskan gabungan usaha, sumber tenaga dan juga kewangan, jabatan agensi ini.

Sebagai langkah permulaan dengan kerjasama Ibu Pejabat Perancang Bandar dan Desa, satu pelan konsep pengindahan dan penanaman pokok-pokok dan pokok bunga di Jalan Tun Dr. Awang telah disediakan. Usaha-usaha akan digiatkan lagi ke arah pengindahan negeri ini demi keselesaan hidup rakyat.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua cadangan dan tegoran Ahli-ahli Yang Berhormat dan akan mengambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang terlibat.

Dengan ini Tuan Speaker, saya menyokong usul terima kasih ke atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri.

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):**

Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan saya juga mengambil bahagian dalam ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama dan di samping itu juga saya ingin menjelaskan beberapa hal yang telah ditimbulkan mengenai perkara-perkara di bawah tanggongjawab saya.

Yang pertama sekali masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Encik Abdul Razak, ADUN Penaga iaitu mengenai projek perumahan kos rendah PERDA di Kuala Muda. Maksudnya apakah sebab pembangunan rumah kos rendah itu agak lambat? Yang melambatkan pembangunan projek itu ialah kerana tanah di kawasan itu ialah tanah tambun. Jadi apabila tanah tambun, kita terpaksa menunggu sampai tanah itu mendap dan stabil. Mengikut keterangan yang dibuat secara teknikal, mendapan akan dijangka berakhir pada bulan Disember 1989 tetapi malangnya sekali sampai di peringkat inipun tanah masih lagi mendap. Oleh yang demikian, projek pembangunan itu terpaksa ditang-

guhkan sementara waktu sehingga mendapan itu selesai dan tanah stabil dan dengan segera kita akan membangunkan projek rumah kos rendah PERDA di kawasan itu.

Yang lain-lain ialah mengenai perumahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Permatang Pasir, Tuan Haji Adnan — akan diambil perhatian. Itu merupakan satu pandangan yang baik.

Kemudian permintaan daripada Yang Berhormat Dr. Lim Boon Sho, ADUN Sungai Bakap mengenai pemasangan paip P.B.A. ke rumah supaya diperlumakan. Nampaknya tidak boleh kerana kita tidak mahu hendak memanjakan sangat anak-anak buah kita, rakyat-rakyat kita. Rakyat-rakyat kita pun saya ingat tidak mahu kita memanjakan sampai ke peringkat itu, cuma Dr. Lim saja hendak ambil hati mereka.

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):

Penjelasan boleh?

Ahli Kawasan Bertam (Tuan Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):

Tidak boleh!

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):

Lagi satu!

Ahli Kawasan Bertam (Tuan Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):

O.K. saya takut, saya tidak pandai, saya mengaku — senang sedikitlah . . . . . (ketawa).

Jadi waktu bagaimanapun, kita telah mengeluarkan satu skim iaitu skim pinjaman yang berjumlah kira-kira \$500.00 yang kita jangka sudah cukup untuk pemasangan paip ke rumah masing-masing dan tempoh bayarannya pun cukup panjang, kadang-kadang lebih panjang daripada tempoh kita menjadi ADUN. Kita jadi ADUN tidak sampai 5

tahun, kadang-kadang kerana pilihanraya itu dipercepatkan tetapi untuk P.B.A., dia beri sampai 5 tahun. Apa lagi mahu?

Kemudian kisah Yang Berhormat Encik Abdul Razak lagi. Tiang sudah pacak . . . . . (ketawa). Dia kata tiang sudah pacak, tiang L.L.N. tetapi lampunya belum ada. Sebab saya nampak semua orang serius, saya buat jenaka sedikit kerana kita dalam Dewan ini semuanya kawan, cuma kadang-kadang kalau bergaduh itu, panglima bergaduh memanglah tumbang pokok-pokok. Kalau kita baca balik sejarah Panglima "Cha" bergaduh dengan Panglima "Kob" macam itulah pokok nyoir terbalik semua — kerana mereka melawak bukannya bergaduh atau berkelahi. Jadi dalam Dewan inipun kalau bunyi bom! bom! bom! bam!, itu kita melawak saja, bukannya apa-apa. Jadi sebab lambat pemasangan itu dibuat kerana alat-alatnya belum sampai dan saya diberitahu alat-alat tersebut telahpun sampai dan akan dipasang dengan secepat yang boleh.

Lain-lain itu, saya ingat saya akan mengambil perhatian dan terima kasih kepada Tuan Speaker yang lagi sekali membenarkan saya bercakap dan saya juga mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri yang telah melapazkan ucapan yang begitu baik dan memberangsangkan kita semua pada hari pembukaan Dewan.

Sekian, terima kasih.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Permatang Pasir untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang.

Nampak saya Ahli-ahli sebelah sana hendak meminta penjelasan sebab mereka tahu apa yang saya belum cakapkan. Inilah

masa mohon menjelaskan . . . (ketawa).

Tuan Speaker, banyak perkara telah dibangkitkan dan dalam perbahasan yang telah diadakan tidak siapa pun bangun untuk membangkang usul ini. Mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan yang patut diberi perhatian, pihak Kerajaan memang akan mengkaji semuanya mengikut keutamaan dari segi belanjawan Negeri dan juga mengikut merit-merit.

Saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Barisan Nasional yang telah bekerja rapat dengan penduduk-penduduk dalam kawasan masing-masing dan memahami keperluan dan kehendak mereka. Inilah menunjukkan di mana kerja yang kita tanggungjawab bukan sahaja untuk pilihanraya tetapi kita menjalankan tugas kita dari sehari ke sehari dengan seberapa kuatnya yang kita boleh. Kita ambil perhatian masalah-masalah kecil dan masalah-masalah besar, bukan saja menunggu pilihanraya. Tetapi saya harap Ahli-ahli Barisan Nasional dengan jujur sekali lagi akan menjalankan tugas kita, sama ada untuk pilihanraya, baik kita menjadi ADUN yang akan datang tetapi kita bila memegang jawatan wakil rakyat, kita mestilah membalas balik kepercayaan rakyat kepada kita.

Mengikut perkara-perkara yang dikeskukan oleh ahli-ahli parti pembangkang yang mana saya akan sentuh secara ringkas kesemua kerana banyak isu yang telah dibangkitkan oleh mereka telah dijawab oleh wakil-wakil saya dalam majlis mesyuarat ini.

Tuan Speaker, kita mesti faham bahawa walaupun dalam ucapan Tuan Yang Terutama telah menyentuh tentang perkara-perkara semasa, beliau telah dengan bijaknya menunjukkan kepada kita bahawa kita mesti juga mempertimbangkan isu-isu itu dalam dekad yang ke 90an, yang amat penting bagi pembangunan negara kita di masa hadapan.

Dewan ini telah menjalankan tugasnya dengan seberapa berkesan yang mungkin

dalam proses demokrasi yang berparlimen dan ia juga telah mengambilkira peruntukan kewangan yang dapat diperolehi oleh Kerajaan Negeri dari setahun ke setahun. Apa yang jelas ialah dalam dekad 70an Kerajaan telah menumpukan perhatiannya kepada masalah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Dengan izin tahun 70's *has create more job opportunity*. Dalam tahun 80an tugas Kerajaan adalah ditumpukan kepada usaha menyediakan lebih banyak perumahan — *more housing* untuk rakyat, khususnya bagi mereka daripada golongan yang berpendapatan rendah.

Objektif asas itu telah dilaksanakan dengan jayanya dan difahami oleh semua orang kecuali pihak pembangkang. Kerajaan Negeri, sambil mengekalkan komitmen atau azamnya untuk memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru serta garis panduan program sosio ekonomi yang strategik seperti:

- Pembesaran dan permodenan asas agro-horticulture.
- Melaksanakan program perindustrian dan pembandaran kawasan luarbandar.
- Melaksanakan Projek-projek Pembangunan bandar;
- Pembangunan sektor pembinaan.
- Peningkatan dan permodenan sektor komersial dan perkhidmatan am;
- Penggalakan industri pelancongan.

Tuan Speaker, sekarang kita telah mencapai kemajuan sosio ekonomi yang mana rakyat kita memahami sepenuhnya. Ini telah dapat dicapai walaupun parti pembangkang mengganggu kita. Ingat balik ketika kita hendak menubuhkan Zon Bebas dan kilang pertama di Bayan Baru — Kilang Elektronik — parti pembangkang tentang kita. Jangan buat ini! Ini merosakkan mata, itu tidak boleh. Itu masa tahun 70an. Kalau kita dengar parti pembangkang, kita tidak akan mencapai kejayaan hari ini. Bila kita



hendak membangunkan rumah-rumah mereka pun telah membangkang. Tuan Speaker, saya pun sudah biasalah bila Yang Berhormat . . . . . (ganguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Penjelasan. Jangan keliru, kita tidak bangkang pembinaan rumah.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, saya tidak dengar bangkangan tetapi suara tidak puashati. Saya tahulah apa yang kita buat tidak betul. Ini pengalaman saya dalam 20 tahun. Kalau sokong, habis semua! . . . . . (ketawa). Apa yang telah dibangkang dengan keras, itu yang jadi baik.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Kalau sokong?

**Ketua Menteri:**

Kalau sokong, habis — tidak bangun semua.

Tuan Speaker, dalam ucapannya pada tahun ini yang kebetulannya adalah juga permulaan dekad 90an, Tuan Yang Terutama telah mengenalpasti bahawa komitmen asas Kerajaan Negeri bagi dekad ke 90an yang akan datang adalah untuk mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat kita.

Tuan Speaker, inilah satu proses ke satu proses, dari satu peringkat ke satu peringkat untuk:—

- i) mencari lebih *job opportunity*; dan
- ii) membuat lebih perumahan.

Sekarang kita mestilah menjaga taraf hidup rakyat kita. Proses-proses mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, menyediakan lebih banyak perumahan dan juga memper-

tingkatkan lebih taraf kehidupan rakyat adalah merupakan proses yang berterusan.

Tuan Speaker, kalau kita mengambil sedikit perhatian di bidang membanyakkan peluang pekerjaan untuk rakyat kita — tahun 1970an jumlah pekerja dalam negeri ini ialah 214,900 orang, tahun 1980 an telah naik ke 317,400 orang dan dalam tahun 1985 telah sampai 388,103 orang. Di dalam bulan Jun 1987 apabila kita membuat kajian untuk menyediakan program latihan-latihan kita, jumlah pekerja dalam beberapa sektor seperti sektor *agriculture*, lombong, pembuatan, pembinaan dan lain-lain termasuklah perkhidmatan Kerajaan telah meningkat jumlahnya ke 391,433 orang.

Tuan Speaker, kita pun tahu tahun 1970 murid-murid yang menduduki alam persekolahan ialah 54,086 orang, tahun 1980 ialah 81,016 orang, dan apa yang ada dalam tahun ini ialah 91,077 orang. Kita pun faham dan kaji dengan teliti, murid-murid yang meninggalkan sekolah untuk masuk ke peringkat yang lebih tinggi dan banyak juga yang masuk *work force* kita ialah tahun 1970an seramai 11,426 orang tetapi sekarang, tahun 1989 kita ada 20,089 orang murid-murid yang keluar daripada sekolah.

Tuan Speaker, saya tahu rakyat bolehlah ambil statistik yang saya beri dan kaji sesungguhnya Kerajaan telah mencapai tujuan di tahun 1970an seperti yang kita telah janjikan dengan rakyat. Kita telah buat dan mendapatkannya bukan melalui pertolongan daripada parti pembangkang. *In spite of* parti pembangkang hentam kita dan apa yang ada sekarang ialah kita telah sampai ke satu peringkat yang mana masalah pengangguran telah berubah sebab hari ini kadar pengangguran di negeri kita ialah 5.4% saja. Kita pun tahu permohonan-permohonan daripada kilang-kilang saja iaitu dikira di dalam kawasan-kawasan yang di bawah agensi Kerajaan, P.D.C., pada tahun 1989 pekerja dalam kilang-kilang itu telah sampai 84,257 orang. Terdapat 52 buah kilang-kilang baru yang sekarang dibina dan tidak lama lagi kilang-kilang ini akan memberi



peluang kepada 4,655 orang lagi. Apa yang sekarang kita mesti kaji ialah pada 31 Disember, 1989 kita ada 119 kilang-kilang yang kita janjikan — approved hendak bina dan kilang-kilang ini mesti mempunyai 15,210 orang yang bekerja tetapi keluaran dari bangku-bangku sekolah ialah 20,089 orang. Tuan Speaker, ini satu masalah yang baru.

Mengikut apa yang kita capai di pihak pembinaan perumahan Tuan Speaker, yang selalu kita dapat kritik-kritik yang betul bolehlah dipertimbangkan — kritik-kritik yang 'Ya' kita pun ingat dan dengar. Tuan Speaker, dalam tahun 1970an, 1980an, rumah-rumah dan unit rumah kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan ialah 11,066 unit. Ini tidak termasuk rancangan-rancangan dalam pembinaan iaitu di Permatang Damar Laut 216 unit dan lain-lain, dan ditambah pula itu, unit-unit yang dibina oleh Kerajaan ialah 12,800 unit.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Satu tahun?

**Ketua Menteri:**

Jangan ganggu! Jangan merendahkan apa yang kita telah capai.

Tuan Speaker, dan apabila kita menjalankan satu rancangan penswastan sebab kita pun faham Kerajaan sendiri pun tidak boleh menyelesaikan perkara ini dan parti pembangkang hentam saya — ini tidak boleh — itu tidak boleh . . . .(gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Penjelasan. Mengapa tidak mahu beri . . . . .(gangguan).

**Tuan Speaker:**

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila duduk!

**Ketua Menteri:**

Pada masa yang sama melalui program penswastan sebanyak 24,271 unit adalah di peringkat pembinaan. Kalau kita jumlahkan apa yang kita capai di mana kita telah membina 54,768 unit rumah-rumah dalam tempoh 20 tahun. Kalau mengikut statistik, satu keluarga ialah 5 orang. Kita telah menjaga kepentingan 290 orang lebih. Tuan Speaker, kita tahu pendaftaran pemohon-pemohon perumahan tahun demi tahun lagi bertambah. Kita tahu kita mesti mengambil berat untuk selesaikan tujuan kita dan mencapai inspirasi rakyat kita. 50,000 atau 60,000 yang memohon ialah dari asas kiraan penswastan bila mereka bekerjasama dengan rakyat dan Kerajaan untuk membina rumah-rumah untuk rakyat dalam negeri ini.

Tuan Speaker, apa yang kita telah capai itu semua boleh dilihat. Tuan Speaker, jadi proses-proses ini mesti mengambil masa beberapa tahun untuk M.P. Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit atau Ahli Kawasan Pengkalan Kota — tiga bulan, dua bulan baru boleh siap. Kita bukan "Alladin" atau "Jenny" DAP. Tuan Speaker, peringkat demi peringkat dengan kebolehan kita dan dengan sumber kewangan yang kita ada, kita telah menjalankan tugas untuk mencapai kepentingan rakyat.

Tuan Speaker, perkataan yang kita dengar dalam Dewan ini ialah satu perkataan bahasa iaitu "anak tiri". Tuan Speaker, ini satu perkataan yang bukan baru, Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit mesti tahu. Saya pun telah dengar pertama kali oleh DAP di mana masa itu daripada Yang Berhormat Encik Peter Paul Dason. Masa itu saya ingat Ahli dari Kawasan Tanjong Bungah iaitu Datuk Khoo Ooi Boey . . . . .(gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Ayer Itam.

**Ketua Menteri:**

Oh . . . Ayer Itam. Baik. Di mana pun serupa . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Penjelasan. Adakah Yang Amat Berhormat gunakan perkataan anak-tirikan . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):**

Dia sudah lupalah!

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, siapa menjadi Menteri Kewangan di Persekutuan buat masa itu? Tetapi hari ini nampaknya semua baiklah. Dianaktirikan lagi?

Tuan Speaker, baiklah, saya cepatkan sedikit. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada Perenggan-perenggan 16, 20 dan 30 dalam ucapan Tuan Yang Terutama di mana Tuan Yang Terutama telah mengucapkan terima kasih kepada rakyat kita dan menekankan kepada kefahaman dan kerjasama yang berterusan yang diberi oleh rakyat kita kepada Kerajaan untuk kemudahan perlaksanaan berbagai-bagai projek pembangunan.

Tuan Speaker, kita pihak Kerajaan mengakui, rakyatlah yang menyokong kita, dan dari persefahaman rakyat jugalah kita telah mencapai apa yang saya sebutkan tadi — bukannya dari parti pembangkang. Tuan Speaker, bagi pihak Kerajaan, saya sangat menyokong ucapan Tuan Yang Terutama dan kita mesti mengucapkan terima kasih kepada rakyat kita kerana persefahaman mereka. Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan ini akan faham bahawa ucapan Tuan Yang Terutama akan membawa kita memasuki satu dekad usaha yang baru, di mana rakyat kita bukan saja diberi peluang untuk mencapai kemajuan kebendaan, malahan mereka hendaklah juga diberi semua kemudahan

untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang lebih luas dan untuk memajukan kekuatan moral dan kerohanian serta komitmen sibilik dan sosial masing-masing untuk berkhidmat demi masyarakat tempatan dan negeri ini pada keseluruhannya. Saya menyokong kuat dan sebab itu saya menyokong usul.

Tuan Speaker, seperti biasa, tidak banyak perlu dikatakan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli parti pembangkang. Corak kelakuan dan motivasi memecahbelahkan yang ditunjukkan oleh mereka adalah jenis untuk dilihat oleh semua Ahli-ahli dalam Dewan ini. Mereka tahu, semua dia pandai, apa pun dia tahu, kita tidak tahu, mereka pandai sebab pihak pembangkang sentiasa memecahbelahkan rakyat kita dan merosakkan perpaduan dan bukannya memupuk perpaduan adalah nyata di dalam segala yang mereka kata atau yang mereka lakukan. Mereka cuba memecahbelahkan keluarga dari keluarga, kominiti dari kominiti, parti dari parti, mereka cuba mencari isu-isu lama dan membangkitkan isu-isu keluarga dan yang mereka telah lama membangkitkan ialah pekerjaan adik saya, dan sekarang pula anak saya. Mereka cuba, saya tahu Tuan Speaker . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Bukan saya, parti sendiri cakap banyak.

**Ketua Menteri:**

Saya tahu parti pembangkang kalau dia tidak berani cakap, dia kata orang lain cakap. Saja baca . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Saya tidak baca, ada proved . . . . . (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Mana dia boleh baca?

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, sila duduk.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Bukan satu, ada banyak!

Tuan Speaker:

Sila duduk! jangan ganggu. Ahli Kawasan Berapit, sila jangan ganggu.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Boleh bagi Tuan Speaker baca.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, baiklah saya ucapkan terima kasih atas penjelasan itu sebab bukan Yang Berhormat Ahli Pengkalan Kota saja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Terima kasih banyakkah?

Ketua Menteri:

Banyak pun . . . . . (ketawa). Tetapi semua orang dalam negara kita termasuk penduduk Pulau Pinang tahu mengikut sistem demokrasi yang berparlimen yang diamalkan di Malaysia dalam semangat *consultation and conscious* atau bermau-fakat dan mencapai kata sepakat yang merupakan satu asas Barisan Nasional. Amalan *nepotism* tidak ada tempat di dalam rangka struktur Barisan Nasional.

Tuan Speaker, itu semua boleh tambah. Jadi kita semua tahu, dalam Barisan Nasional perkara-perkara yang kita ber-

bincang mesti mengikut struktur parti, bukanlah seperti apa Yang Berhormat-Yang Berhormat parti pembangkang ikut. Mereka berbuat demikian untuk memecahbelahkan. Kalau MCA dan Gerakan berbincang, dia pecahbelahkan, dia bawa isu Khor Gark Kim dan lain-lain. Khor Gark Kim dengan kita, rakan. . . . . (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tanya Khoo Boo Yeang, dia sendiri pergi.

Ketua Menteri:

Yang Berhormat Khoo Boo Yeang ialah kawan lama saya, tidak usah pecahbelah kami.

Tuan Speaker, bila UMNO dengan MCA bersepakat, dia hendak pecahbelahkan. Bila Gerakan dan MIC berbincang, dia hendak pecahbelahkan. Tuan Speaker, semua dia mahu pecahbelahkan. Dia orang pandai. Soalan dia buat, kita mesti jawab. Kalau kita tidak jawab, dikata kita tidak tahu!

Tuan Speaker, saya tanya Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota — Ada berapa helai rambut di atas kepalanya . . . (ketawa).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Boleh saya beri penjelasan?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan Bin Haji Ramli):

Rambut di bawah pun tidak tahu . . . . . (ketawa).

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, kepala dia pun, tidak tahu. Ini satu soalan . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tidak tahu, cakap tidak tahulah.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan Bin Haji Ramli):**

Dia tidak tahu.

**Ketua Menteri:**

Kalau tanya saya, saya kata tidak tahu. Oh! you tidak tahu tetapi mereka tahu!

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Akui tidak tahu!

**Ketua Menteri:**

Tetapi kalau dia kira lebih, dia cabut dia punya rambut — buang!

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Tenang sedikit, tenang sedikit.

**Ketua Menteri:**

Kalau dia kira tidak cukup dia pecah rambut itu, *split hair* Tuan Speaker, dia hendak pecah belah semua.

**Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):**

Tuan Speaker, saya nak beri penjelasan . . . . . (gangguan).

**Tuan Speaker:**

Ahli Kawasan Berapit, jangan ganggu.

**Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit . . . . . (gangguan) Ho Choi . . . . (ketawa). Hari ini kita ketawalah! Bila sahabat saya, Yang Berhormat dari Sungai Pinang cuba

untuk cakap dalam bahasa tetapi kita tahu beliau tidak fasih bahasa kebangsaan. Bila beliau bangun untuk berucap, kena hentam. Apa yang terjadi kelmarin semua orang pun faham. Tuan Speaker, apa yang saya hendak kata di sini ialah dalam Dewan ini mereka, Ahli pembangkang tahu semua perkara kita yang tidak tahu. Tuan Speaker, kalau kita ingin kerja bersama-sama untuk zaman yang akan datang, saya harap kita pun mesti mengubah sikap, jangan bawa masalah Nelson Mandela dan lain-lain yang kita semua tak tahu dengan jelas. Tuan Speaker, oleh sebab Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor tidak hadir kerana dia ada tugas lain yang kita tahu, tidak payah saya bercakap panjang.

Apa yang terjadi ialah sahabat saya Y.B. dari Sungai Pinang ingin jelaskan bahawa kes yang tersebut tidak begitu serius seperti Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor *go to town*, memperbesar-besarkan masalah ini. Yang Berhormat Kawasan Sungai Pinang cuba menjelaskan bagi pihak perkhidmatan, kita mesti mengikut peraturan-peraturan. Pada 2 Mac Penasihat Undang-Undang telah memberi surat kepada pihak Mahkamah untuk mendapatkan peraturan tetapi surat ini belum sampai kepada perkhidmatan. Ini bukan satu masalah yang serius sebelum . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Penjelasan, jangan defend Y.B. Ahli Kawasan Sungai Pinang. Jangan kelirukan rakyat. Jangan nafikan isu yang telah dikeluarkan oleh Y.B. Ahli Kawasan Sungai Pinang.

**Ketua Menteri:**

Sebelum ia memberi keterangan Yang Berhormat Ahli Bukit Glugor seperti yang kita faham sekarang, bila dia baca laporan itu yang kita dengar, dia rasa seronok sedikit. Barangkali dia sakit hati, itu saja yang kita faham sebagai manusia kita faham itu. Tetapi bila sahabat saya Yang Berhormat



Datuk Khoo telah buat satu perkataan serius, bukan 'seserius', mereka telah pusing lain *direction*, mengatakan Yang Berhormat dari Sungai Pinang ingat kes itu tidak serius. Sebab itu perbahasan dalam Dewan ini pun telah dikeliru sehingga Tuan Speaker sendiri pun tidak tahu di mana bahagian yang kita telah keliru (ketawa). Tuan Speaker, ini kesilapan manusia.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Akui silap.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, kita akui, bila kita akui sebab apa kelmarin ketika saya bawa usul mereka tidak akui Tuan Speaker tidak ikut Peraturan 37?

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tidak akui salah?

**Ketua Menteri:**

Tuan Speker, dia tidak bersalah. Dia cuma salah perkataan kerana beliau tidak fasih dalam bahasa kebangsaan. Tuan Speaker, parti pembangkang pun pada masa sekarang, khususnya parti DAP hari ini saya ingat telah menjadi bangga sedikit, berbangga disebabkan pada 17 Februari mereka telah mendapat satu sokongan yang mereka berpuashati dan mereka telah bekerjasama dengan Semangat 46 dan Yang Berhormat Tengku Razaleigh, kawan baik saya yang memecah-belahkan. Saya selalu berbincang dengan beliau tetapi sekarang . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Bincang apa, bincang untuk bersepakat sama?

**Ketua Menteri:**

Bila di dalam satu perhimpunan, apa yang saya dapat tahu barangkali hanya ada 5,000 orang, tetapi mereka telah menambah sampai 25,000, itu saya tidak tahu. Sebab kalau tidak kata 25,000 tidak boleh kata perhimpunan rasaksa.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

50 orang!

**Ketua Menteri:**

Ada 50 orang? Tidak usahlah merendah diri. Saya tahu ada banyak orang suka dengar ucapan Cik Marina Yusof. Barangkali ada 5,000 orang bukan 25,000, tetapi kalau tidak kata 25,000 orang, tak boleh dikatakan perhimpunan rasaksa. Tuan Speaker, saya harap mereka sedar bahawa mesyuarat pada 17 haribulan Februari di Dewan Sri Pinang tahun ini mungkin menjadi satu hari yang bersejarah bagi mereka sebab kelmarin Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam kata ada satu juta poster Gerakan, saya pun tidak tahu dan tak nampak . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

You mana tahu, K.L. tau!

**Ketua Menteri:**

Semua *you* tau, Tuan Speaker, tetapi saya tidak nampak poster-poster ini. Apa yang saya nampak ialah poster dua pihak, di sebelah kiri ialah Tengku Razaleigh dan disebelah kanan ialah Lim Kit Siang. Ada satu sangkar, kalau kita hendak tangkap burung tekukur kita kena buat satu denak, umpan seekor burung di dalam tetapi jangan beliau berkokok sebelum tiba masanya. Barangkali burung tidak sampai tetapi racip sudah ditutup. -Tuan Speaker, maka mereka sekarang berasa puashati. Angkat tangan sekarang *you* menjadi Ketua Men-

teri, lagi seorang angkat tangan sokong you menjadi Perdana Menteri . . . . . (ketawa).

Tuan Speaker, rakyat semua faham, kalau Kerajaan Negeri hendak jalankan pemerintahan dengan baiknya, kita mesti ada perhubungan rapat dengan pihak Persekutuan. Jikalau pada masa yang akan datang DAP menjadi pemerintah dan tidak ada hubungan rapat dengan Kerajaan Persekutuan mereka menyokong Tengku Razaleigh menjadi Perdana Menteri, adakah ini ditimbangkan sewajarnya? Rakyat jelata baik di Negeri Pulau Pinang mahupun di seluruh Malaysia tahu Semangat 46 tidak boleh menang dan menjadi pemerintah. DAP juga tidak boleh menang baik di Persekutuan atau di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Gerakan boleh ke?

**Ketua Menteri:**

Boleh!

Sebab itulah kita adakan Barisan Nasional di mana kita boleh bertolak ansur dan kita boleh bawa semua golongan bekerjasama. UMNO pun boleh, MCA pun boleh tetapi kita bersatu untuk kepentingan rakyat. Kita adalah Barisan Nasional, bukan angkatan ampu atau pembohong. Tuan Speaker, jangan keliru, semua tahu . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*Panic!*

**Ketua Menteri:**

Tidak *panic*, rakyat tahu dan saya pun tahu. DAP sendiri tak boleh, Semangat sendiri pun tak boleh. DAP dengan Semangat pun tak boleh. Barangkali kalau Semangat dengan DAP bawa PAS atau parti lain-lain

yang tidak puashati dengan Kerajaan mungkin masa itu mereka boleh. Tetapi Tuan Speaker, bila DAP menyokong Yang Berhormat Tengku Razaleigh menjadi Perdana Menteri, mereka telah bersetuju untuk bekerjasama dengan PAS..

**Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):**

Ini lojik Dr. Lim Chong Eu.

**Ketua Menteri:**

Ini bukan lojik. Akhirkata kalau faham taktik orang petani, bila you buat satu dehak atau satu jebak, apa yang terjadi bukanlah kaki yang terperangkap oleh racip tetapi leher. Tuan Speaker, mereka hentam saya sedikit, saya pun golok sikitlah, urut sikit . . . . . (ketawa). Balik, ingat baik-baik jangan bohong dengan rakyat. DAP tentu berpakat dengan PAS, kalau tidak ada PAS tentu tidak ada DAP.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*Election propaganda.*

**Ketua Menteri:**

Bukan, Tuan Speaker ketika pilihanraya tahun 1986 semua orang tahu pada masa itu saya ada penyakit dan tidak ingat masa itu hendak aktif lagi tetapi pada masa itu DAP telah menunjuk dengan terang mereka hendak pakat dengan PAS . . . (ketawa).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Bohong, bohong besar . . . (gangguan).

**Ketua Menteri:**

Bacalah surat khabar!

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Baca sendiri. Bohong!

**Ketua Menteri:**

Sekarang saya tahu bila saya cakap dia mesti lari, tapi dia tidak boleh lari . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Pembohong besar.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker, hari ini mereka tak mengaku dan kata saya bohong. Mereka tak mahu bersatu dengan PAS tetapi hanya mahu Semangat saja.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Guna fitnah, dusta!

**Ketua Menteri:**

Kita bukan *panic* . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

You can cheat now!

**Ketua Menteri:**

Saya bukan *panic* . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

*I cannot imagine.*

**Ketua Menteri:**

Pandai *you imagine*, apa *you imagine* saya pun tak tahulah. Tuan Speaker, semua penduduk mengetahui apa yang terjadi. Janganlah kita ambil perhatian arahan-arahan dan nasihat-nasihat Tuan Yang Terutama di dalam Dewan tetapi di luar ketepikan nasihat beliau dan berjuang untuk pilihanraya yang akan datang. Sungguhnya apa yang mesti kita buat ialah

kita mesti bekerja dengan penuh dedikasi untuk faedah rakyat kita. Ini sikap Kerajaan Barisan Nasional dan saya harap semua Ahli Dewan termasuk Yang Berhormat Ahli Pembangkang menyokong usul ini iaitu ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama. Kita mesti mencari jalan supaya kita boleh bekerja rapat untuk tidak menjejaskan pembangunan Negeri Pulau Pinang di masa hadapan. Tuan Speaker, rakyat Negeri Pulau Pinang mestilah sedar hakikat itu dan saya pasti bahawa rakyat kita faham sepenuhnya situasi yang ada sekarang dan tidak akan memperjudikan segala yang telah kita capai.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan Bin Haji Ramli):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun memohon izin untuk menggulung ucapan yang telah diberi oleh sahabat saya di dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon dan mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah menyokong usul terima kasih yang saya bawa di Dewan yang mulia ini dan yang saya memohon apa yang saya kemukakan itu akan mendapat persetujuan daripada semua pihak walaupun ada yang tidak berucap langsung yang menyentuh dengan hal-hal yang diucap oleh Tuan Yang Terutama. Di samping itu, Kerajaan Negeri telah mengemukakan beberapa cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat juga mengemukakan beberapa cadangan, begitu juga terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pujian dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan ada juga memberi kajian kepada Kerajaan Negeri. Pandangan-pandangan yang baik kita dapati daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat pihak Kerajaan dan cadangan-cadangan yang sebaliknya kita dapati daripada pihak bukan Kerajaan tetapi pembahagian mereka hendak juga diadakan di kawasan mereka. Ini kita mesti faham, sesuatu perkara yang kita hendak, yang kita perlu, kita mesti berkawan baik dan berpakat dengan pihak yang ada iaitu pihak yang memberi yakni pihak Kerajaan.

Orang-orang yang melaksanakan kerja-kerja ialah pegawai-pegawai. Mereka inilah yang membantu untuk kemajuan negeri kita. Tidak sepatutnya pihak pembangkang mengutuk dan menuduh pegawai bersikap tidak adil kepada mereka. Kami pihak Kerajaan sentiasa menerangkan dengan jelasnya bahawa pegawai-pegawai telah bersikap adil. Segala projek-projek yang telah diberi bukan sahaja diberitahu kepada kami tetapi menjemput kami untuk merasmikan dan mengadakan gotong-royong untuk melaksanakan projek-projek itu. Saya tak mau buang masa . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Tidak mau buang masa cepat sedikit!

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan Bin Haji Ramli):**

Pihak pembangkang ini tidak ada kesabaran, tidak sabar untuk berkuasa . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Lagi mahu!

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan Bin Haji Ramli):**

Tapi mereka tidak berfikir kuasa itu tak akan dapat kepada mereka kerana rakyat Pulau Pinang menolak kerana mereka ini rakus dan tidak sabar. Yang Berhormat Tuan Speaker, walaubagaimana pun, saya berharap Kerajaan yang ada pada hari ini akan berterusan dan akan kekal untuk merancang rancangan-rancangan yang telah dirancang walaupun rancangan atau projek-projek tidak diakui kebenarannya oleh pihak pembangkang. Kita akan terus berusaha selagi kita berkuasa. Semasa kita berkuasa kita mesti buat, kita jangan peduli apa mereka kata. Tuan Speaker biarlah mereka seperti anjing menyalak bukit, bukit tak akan runtuh. Bujur lalu melintang patah, sedangkan bah kapal tak hanyut. Saya harap pegawai-

pegawai Kerajaan berjalan terus, kami pihak Kerajaan sentiasa duduk di belakang tuan-tuan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Sombong ya!

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan Bin Haji Ramli):**

Tuan Speaker, pada hari ini kita jelas kelihatan nilai-nilai Islam dan nilai-nilai budi telah menerap ke pihak pembangkang. Alhamdulillah. Kelmarin saya dapati ada pihak-pihak pembangkang telah berucap mengenai Islam, budi dan sebagainya untuk membela nasib orang Melayu yang tinggal diluar bandar, Akta 153 dan sebagainya. Alhamdulillah kalau ucapan mereka jujur dan ikhlas. Saya rasa ini adalah permainan politik bukan jujur dan ikhlas kerana sebelum ini tak pernah saya dengar, tak pernah disebut. Sekarang telah pun disebut untuk mempertahankan hak-hak orang Melayu di luar bandar dan di dalam bandar. Tetapi pergi tempat lain, cakap yang lain. Tolong faham itu! Adakah perbuatan mereka itu ikhlas? Mungkin dan pastilah telunjuk lurus kelingking berkait atau cuba menahan lokah di genting atau menahan jerat di genting ataupun menangkup di air yang keroh untuk mengambil hati orang-orang Melayu. Orang Melayu tahu dan mereka tidak akan sokong pembangkang kerana selama ini pembangkang tidak pernah ambil tahu hal orang Melayu, hanya Barisan Nasional sahaja yang membela nasib orang Melayu dan nasib bangsa Malaysia di negara ini.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Masih panjang?

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan Bin Haji Ramli):**

Diamlah. Jadi tingkah laku pembangkang di Dewan yang mulia ini biadap, sombong, bongkok dan tidak menghormati



satu sama lain. Saya terpaksa berkata begitu kerana kita orang Malaysia begitu berbudi bahasa dan bersopan santun. Sebagai pemimpin yang diwakili oleh rakyat gunakanlah Dewan ini sebaik-baiknya untuk rakyat, bukan untuk menyerang antara satu sama lain dan menuduh di antara satu sama lain. Kita ada peribahasa Melayu "Yang lorek itu kendi, yang merah itu saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa".

Tuan Speaker, saya yakin dan percaya kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Dr. Lim Chong Eu. Saya yakin dan percaya di bawah pimpinan mereka ini negeri dan negara kita akan sentiasa maju, selamat, aman dan damai. Tuan Speaker, dengan kepimpinan yang baik ini dan sokongan daripada rakyat dan semua pihak maka pembangkang telah takut pada bayang-bayang mereka. Sedangkan projek hendak dihantar dan dibangun di kawasan mereka pun mereka takut. Takut menerima projek, sebab apa? Sebab takut kehilangan kerusi. Tuan Speaker, bila projek datang, kerusi akan hilang. Kerana siapa buat? Bukan pembangkang. Kerajaan yang buat, sebab itulah mereka marah kepada pegawai-pegawai. Pegawai-pegawai jangan takut, kami ada bersama dengan pegawai-pegawai. Sekarang dah takut, tinggal dua, betul!

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Penjelasan boleh, lagi panjang ke?

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan Bin Haji Ramli):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, pihak Kerajaan dan Y.A.B. Ketua Menteri sendiri serta Exco-exco telah memberi jaminan kepada kita di Dewan yang mulia ini untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, untuk membasmikan kemiskinan, untuk mengurangkan pengangguran dan untuk membina rumah-rumah kediaman. Segala-segala ini adalah untuk rakyat tetapi mereka

pihak pembangkang tidak bersetuju dengan ini. Adakah mereka datang ini betul-betul untuk membela nasib rakyat? Kalau mereka betul-betul mahu membela nasib rakyat, mereka mesti bersetuju dengan apa yang hendak dirancang oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan Ahli-ahli Exconya. Tetapi tidak, ini kita mesti beritahu kepada rakyat. Kalau pembangkang datang di sini bukan untuk membela nasib rakyat, saya rasa mereka menyokong usul dan ucapan T.Y.T. dengan pura-pura dan tak ikhlas.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):**

Mabok?

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan Bin Haji Ramli):**

Siapa mabok? Mereka tidak ikhlas, cuma terpaksa berpura-pura. Tetapi kita tahu mereka terpaksa ikhlas. Tuan Speaker, dengan itu, saya tidak mahulah bercakap panjang dan saya mohon kepada saudara-saudara saya supaya dapat mempersetujui sebulat suara usul yang saya bawa ini.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Went Keat):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul:—

"Bahwa kami Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undang Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketujuh pada 5 haribulan Mac 1990 dipersetujui."

Ahli yang bersetuju katakan 'Ya'.

(‘Ya’)

Yang tidak bersetuju katakan ‘tidak’.

(Ya) sebulat suara.

**Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul:

“Bahawa kami, Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketujuh pada 5 Mac, 1990”.

dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan ‘ya’.

(Ya).

Yang tidak katakan ‘tidak’.

(Ya), sebulat suara.

(B) Usul daripada Y.B. Dr. Ibrahim bin, Saad.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Tuan Speaker, saya bangun untuk mencadangkan usul di atas nama saya yang berbunyi seperti berikut:—

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut ini dilantik sebagai ahli-ahli Jawatankuasa Dewan bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketujuh:—

- (1) Y.B. Datuk Speaker (Pengerusi)
- (2) Y.B. Datuk Khoo Kay Por
- (3) Y.B. Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar

(4) Y.B. Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli

(5) Y.B. Encik Yahaya bin Abdul Hamid

(6) Y.B. Dr. Lim Boon Sho

(7) Y.B. Encik Tan Loo Jit

(8) Y.B. Encik Chin Kooi Thoon

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbangkan sebarang hal yang dirujuk kepada yang melibatkan kemudahan dan keselesaan Ahli-ahli Dewan termasuk pembaikan Bangunan Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan tiga ahli lain akan membentuk satu kuorum.

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk menjemput orang-orang berkenaan menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa”.

Tuan Speaker, Jawatankuasa ini adalah salah satu Jawatankuasa Dewan yang dilantik di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 109.

Tuan Speaker, saya mohon mencadang.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (Puan Hajjah Ragayah Binti Ariff):**

Tuan Speaker, saya menyokong usul ini.

**Tuan Speaker:**

Siapa ingin mengambil bahagian?

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul:—

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut ini dilantik sebagai ahli-ahli Jawatankuasa Dewan bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketujuh:—

- (1) Y.B. Datuk Speaker (Pengerusi)
- (2) Y.B. Datuk Khoo Kay Por
- (3) Y.B. Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar
- (4) Y.B. Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli
- (5) Y.B. Encik Yahaya bin Abdul Hamid
- (6) Y.B. Dr. Lim Boon Sho
- (7) Y.B. Encik Tan Loo Jit
- (8) Y.B. Encik Chin Kooi Thoon

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbangkan sebarang hal yang dirujuk kepada yang melibatkan kemudahan dan keselesaan Ahli-ahli Dewan termasuk pembaikan Bangunan Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan tiga ahli lain akan membentuk satu kuorum.

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk menjemput orang-orang berkenaan menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa".

dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan 'ya'.

(Ya)

Yang tidak bersetuju katakan 'tidak'.

(Ya), sebulat suara.

- (C) Usul daripada Y.B. Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan usul di bawah nama saya yang berbunyi:—

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketujuh:—

- (1) Y.B. Datuk Speaker (Pengerusi)
- (2) Y.B. Encik Liang Thau Sang
- (3) Y.B. Dr. Ibrahim Saad
- (4) Y.B. Tuan Haji Zakaria bin Bakar
- (5) Y.B. Encik Boey Weng Keat
- (6) Y.B. Encik Abdul Razak bin Ismail
- (7) Y.B. Encik Peter Huang
- (8) Y.B. Encik N. Shanmugam

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbangkan sebarang hal yang ditujukan kepadanya yang ada kaitan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan tiga ahli lain akan membentuk satu kuorum.

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk menjemput orang-orang berkenaan menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa".

Tuan Speaker, Jawatankuasa ini adalah satu Jawatankuasa Dewan yang dilantik di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 109. Sebarang cadangan untuk meminda Peraturan-peraturan hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa ini untuk pertimbangan dan perakuan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya Bin Abdul Hamid):**

Tuan Speaker, saya menyokong usul ini.

Tuan Speaker:

Siapa ingin mengambil bahagian?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian di atas usul ini oleh kerana ini adalah satu usul dan satu Jawatankuasa yang penting untuk Dewan ini. Tuan Speaker, pada sidang ini ada banyak kekeliruan berlaku mengenai *Standing Orders* khususnya semalan di mana *Standing Orders* diguna tanpa mengira apa yang dihadapi dalam *Standing Orders*.

Tuan Speaker, saya harap Jawatankuasa ini boleh membuat tugas-tugasnya dengan baik oleh kerana *Standing Orders* kita di Dewan ini adalah tidak lengkap kerana ada beberapa perkara yang tidak terang. Oleh sebab itu saya harap Ahli Jawatankuasa yang akan dilantik mengkaji semula Peraturan-peraturan Dewan ini dan mengeluarkan satu peraturan yang boleh diterima oleh semua. Pada hari ini saya hendak tengok *front page "The Star"*. "*Speaker overruled*", *decision against Kay Phor declared null and void*.

Tuan Speaker, semalam Tuan Speaker bercakap kepada akhbar apabila beliau ditanya sama ada keputusan beliau benar atau tidak, baik atau tidak dan jawapan Tuan Speaker ialah *decision* saya adalah betul. Tetapi nampaknya ahli daripada Barisan Nasional sudah menganggap keputusan Tuan Speaker tidak betul dan ini adalah satu *amounting, satu vote of no confidence against the Speaker* di mana sampai hari ini Tuan Speaker masih mengakui dia tidak bersalah. Ini adalah satu perkara yang amat serius dan saya harap Tuan Speaker seperti seorang *referee* hendaklah menggunakan *Standing Orders* dengan baik dan jangan dibuli oleh Ketua Menteri. Jangan takut sama dia! Terus menggunakan *Standing Orders* dengan baik. Kalau Yang Amat Berhormat Ketua Menteri salah, beritahu dia salah, kalau kita salah, beritahu kita

salah. Kita boleh terima tetapi jangan menggunakan *group majority* untuk mem "*bulldoze through*" *Standing Orders* itu. Saya tahu banyak yang tidak senang hati tetapi oleh kerana Ketua Menteri yang mahu "*bulldoze through*", mesti kena ikut! Saya harap dengan *conscience* gunakan *Standing Orders*.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Siapa lagi ingin mengambil bahagian.

Ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul:—

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketujuh:—

- (1) Y.B. Datuk Speaker (Pengerusi)
- (2) Y.B. Encik Liang Thau Sang
- (3) Y.B. Dr. Ibrahim Saad
- (4) Y.B. Tuan Haji Zakaria bin Bakar
- (5) Y.B. Encik Boey Weng Keat
- (6) Y.B. Encik Abdul Razak bin Ismail
- (7) Y.B. Encik Peter Huang
- (8) Y.B. Encik N. Shanmugam

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbangkan sebarang hal yang ditujukan kepadanya yang ada kaitan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan tiga ahli lain akan membentuk satu kuorum.

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk menjemput orang-orang berkenaan menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada De-



wan Undangan Negeri dari semasa ke semasa”.

dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju kata ‘ya’.

(Ya).

Yang tidak bersetuju katakan ‘tidak’.

(Ya), sebulat suara.

(D) Usul daripada Y.B. Encik Liang Thau Sang.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):**

Tuan Speaker, saya mohon mencadang usul di atas nama saya yang berbunyi:—

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut ini dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketujuh:—

- (1) Y.B. Datuk Speaker (Pengerusi)
- (2) Y.B. Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas
- (3) Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar
- (4) Y.B. Dr. Sak Cheng Lum
- (5) Y.B. Encik Yahaya bin Jamaluddin
- (6) Y.B. Puan Kee Phaik Cheen
- (7) Y.B. Encik Gooi Hock Seng
- (8) Y.B. Encik Karpal Singh

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbangkan sebarang hal yang dirujuk kepada yang ada kaitan dengan hak dan kebebasan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan tiga ahli lain akan membentuk satu kuorum.

Jawatankuasa ini akan diberi kuasa untuk menjemput orang-orang atau

mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan ini dari semasa ke semasa.

Tuan Speaker, Jawatankuasa ini adalah salah satu Jawatankuasa Dewan yang dilantik di bawah Peraturan Mesyuarat 109. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menimbangkan semua perkara yang melibatkan kuasa-kuasa dan keistimewaan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Sebarang pengaduan tentang pelanggaran sesuatu keistimewaan ataupun percanggahan syarat-syarat Dewan oleh seorang ahli, orang lain ataupun perkara-perkara lain yang berbangkit berkenaan dengan hak dan kebebasan ahli biasanya hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa ini yang akan menyiasat perkara itu dan seterusnya melaporkan kepada Dewan supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Tuan Speaker, saya mohon mencadang.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):**

Tuan Speaker, saya menyokong usul itu.

**Tuan Speaker,**

Siapa ingin mengambil bahagian?

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul:—

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut ini dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketujuh:—

- (1) Y.B. Datuk Speaker (Pengerusi)
- (2) Y.B. Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas
- (3) Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar
- (4) Y.B. Dr. Sak Cheng Lum
- (5) Y.B. Encik Yahaya bin Jamaluddin

- (6) Y.B. Puan Kee Phaik Cheen
- (7) Y.B. Encik Gooi Hock Seng
- (8) Y.B. Encik Karpal Singh

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbangkan sebarang hal yang dirujuk kepada yang ada kaitan dengan hak dan kebebasan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan tiga ahli lain akan membentuk satu kuorum.

Jawatankuasa ini akan diberi kuasa untuk menjemput orang-orang atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan ini dari semasa ke semasa”.

dipersetujui.

Ahli yang bersetuju katakan ‘ya’.

(Ya).

Yang tidak bersetuju, katakan ‘tidak’.

(Ya), sebulat suara.

- (E) Usul daripada Y.B. Datuk Khoo Kay Por.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por):**

Tuan Speaker, saya mohon mencadang usul di atas nama saya yang berbunyi:—

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketujuh:—

- (1) Y.B. Tuan Haji Yahaya bin Ahmad (Pengerusi)
- (2) Y.B. Puan Hajjah Ragayah binti Ariff
- (3) Y.B. Encik Khoo Boo Yeang
- (4) Y.B. Encik Abdul Roni bin A. Hasan

- (5) Y.B. Encik Goik Hock Lai
- (6) Y.B. Encik Teoh Teik Huat

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk memeriksa sebarang kira-kira yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan dua ahli lain akan membentuk satu kuorum.

Jawatankuasa akan diberi kuasa untuk menjemput orang-orang yang berkenaan menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah dan hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa”.

Tuan Speaker, Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan diberi kuasa di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 109 (A) untuk memeriksa kira-kira Negeri Pulau Pinang dan peruntukan wang yang dibenarkan oleh Dewan bagi memenuhi perbelanjaan awam, kira-kira Pihak Berkuasa Awam dan Badan-badan lain yang melibatkan kumpulan wang awam iaitu yang dibentangkan di dalam Dewan. Laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan di Dewan menurut Artikel 107 dalam Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain perkara yang dirujuk oleh Dewan kepada Jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini juga mempunyai kuasa untuk memanggil Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan meminta kertas-kertas dan rekod-rekod Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, saya mohon mencadang.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan Bin Haji Ramli):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:**

Siapa ingin mengambil bahagian?

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Tuan Speaker, saya bangun untuk membahaskan usul ini. Ada dua perkara yang mustahak yang ingin saya timbulkan di sini iaitu satu ialah Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan adalah satu Jawatankuasa yang mustahak. Hanya ada seorang sahaja iaitu Encik Teoh Teik Huat yang dilantik daripada pihak pembangkang dan saya ingin seorang lagi daripada pihak pembangkang dilantik di dalam Jawatankuasa ini oleh kerana di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa yang lain ada dua orang ahli daripada pihak pembangkang. Disebabkan ini adalah satu Jawatankuasa yang mustahak seperti yang saya cakap tadi, saya ingin seorang lagi dilantik. Tuan Speaker, satu lagi perkara yang telahpun saya bangkitkan dulu iaitu memang menjadi *practice* dalam negara-negara yang lain yang mengikuti *parliamentary democracy* iaitu oleh kerana Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan ialah satu Jawatankuasa yang begitu mustahak di mana perbelanjaan Kerajaan mesti dimonitor dengan baik, selalunya sememangnya seorang ahli daripada parti pembangkang dilantik sebagai Pengerusi. Ini bukan bererti saya merendahkan Yang Berhormat Ahli daripada Telok Bahang tetapi saya ingin seorang ahli daripada parti pembangkang dilantik sebagai Pengerusi. Ini mengikut *practice-practice* di negara-negara yang lain. Itu cadangan saya dan saya pulangkan kepada pencadang iaitu Yang Berhormat Ahli daripada Sungai Pinang.

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, saya rasa senarai nama yang dicadangkan oleh Y.B. Datuk Khoo Kay Por, ADUN Sungai Pinang adalah cukup baik. Saya rasa Y.B. Yahya bin Ahmad ialah seorang yang tak '*bias*', tak betul dia '*bantai*'! Apa lagi yang kita hendak? Ahli-ahlinya pula memang baik dan saya tahu Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota, walaupun seorang tetapi kerjanya lebih baik daripada empat kali Prai! . . . . . (ketawa).

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

Jadi jangan silap faham apa saya katakan tadi. Apa saya katakan tadi ialah ikut *practice-practice* di negara-negara yang lain . . . . . (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam, you mau bagi pecah-belahkan? . . . . (ketawa. . . . . gangguan).

**Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):**

. . . . . Seorang daripada parti pembangkang dilantik sebagai Pengerusi. Saya sudah cakap tadi, saya bukan merendahkan, saya bukan katakan Y.B. Yahya tidak baik. Tapi ini adalah satu *practice*!

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, ini adalah masa saya, jangan cakap banyaklah! Jadi yang pertama, saya kata Pengerusi kita adalah cekap, selesai. Yang kedua, dia hendak tambah lagi dua pembangkang. Saya rasa satu pembangkang pun cukup . . . . (ketawa). Saya tahu Shanmugam nak tempat itu, sorry, *you* tak boleh, dia yang boleh!

Terima kasih, Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):**

Tuan Speaker, saya tidak mahu bahas usul ini oleh kerana saya ada di dalam Jawatankuasa ini. Apa yang rakan saya bangkitkan ialah satu perkara yang boleh dipertimbangkan oleh kerana *accountability* Kerajaan terhadap perbelanjaan adalah satu *accountability* yang patut dikawal dengan baik. Saya tidak tuduh siapa-siapa. Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Telok Bahang ialah seorang Pengerusi yang baik dan kita

berdua boleh bekerjasama dengan rapat tetapi kita fikir kalau ada satu lagi ahli dari pembangkang, lebih baik. Kita pun boleh buat kerja dengan lebih baik. Oleh kerana itu, rakan saya mencadangkan satu lagi! Ini satu perkara yang boleh ditimbang dan saya harap Kerajaan jangan rasa takut kerana kita bukan hendak cari pasal atau cari salah! Kita mahu buat kerja yang baik! Kita mahu Kerajaan buat kerja yang baik kerana kita ada *accountability*, *Public Account Committee*. Dengan tujuan ini, rakan saya harap seorang lagi lantik sebagai ahli Jawatankuasa ini.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por):**

Tuan Speaker, saya ambil perhatian dan terima kasih di atas apa yang dicakap . . . . . (ketawa).

**Tuan Speaker:**

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul. —

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan bagi Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketujuh. —

- (1) Y.B. Tuan Haji Yahaya bin Ahmad (Pengerusi)
- (2) Y.B. Puan Hajjah Ragayah binti Ariff
- (3) Y.B. Encik Khoo Boo Yeang
- (4) Y.B. Encik Abdul Roni bin A. Hasan
- (5) Y.B. Encik Goik Hock Lai
- (6) Y.B. Encik Teoh Teik Huat

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk memeriksa sebarang kira-kira yang telah dibentangkan didalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan dua ahli lain akan membentuk satu kuorum.

Jawatankuasa akan diberi kuasa untuk menjemput orang-orang yang berkenaan menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen atau risalah-risalah dan hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa”.

dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan ‘ya’.

(Ya).

Yang tidak bersetuju, katakan ‘tidak’.

(Ya), sebulat suara.

## 7. PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA.

Pemilihan Ahli-ahli Dewan Negara untuk mengisi dua kekosongan di sebabkan tamat tempoh perkhidmatan Y.B. Encik Lim Heng Tee dan Y.B. Tuan Haji Hamid Araby bin Mohd. Salih.

**Tuan Speaker:**

Ahli Yang Berhormat, seperti yang telah dimaklumkan pada hari pembukaan Mesyuarat Dewan ini pada 5 Mac, saya telahpun menerima sepucuk surat daripada Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri bertarikh 18 November, 1989 yang meminta Dewan menjalankan pemilihan Ahli-ahli Dewan Negara untuk menggantikan Y.B. Encik Lim Heng Tee dan Y.B. Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih di mana tempoh mereka sebagai Ahli Dewan Negara telahpun tamat pada 26 Disember, 1989. Permintaan Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri dibuat berdasarkan kepada surat bertarikh 9 November, 1989 daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong yang memberitahu Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri mengenai dua kekosongan ini mengikut Seksyen Kecil (ii) Bahagian I, dalam Jadual Ke 7 Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan.

Seterusnya, bagi mengisi dua kekosong-



an tersebut, saya akan menjalankan pemilihan mengikut cara seperti ditetapkan dalam Jadual ke 7, Bahagian 1, Perlembagaan Persekutuan. Di bawah Seksyen 3, Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan, tempoh jawatan seorang Ahli Dewan Negara ialah tiga tahun. Oleh itu, tempoh orang-orang yang dipilih untuk memenuhi kekosongan-kekosongan ini ialah tiga tahun mulai hari ini. Calon-calon untuk pilihan mestilah dicadang dan disokong oleh Ahli-ahli Dewan dan disertai pula dengan kenyataan bertulis ditandatangani oleh orang yang dinamakan itu bahawa ia bersedia untuk berkhidmat jika dipilih mengikut Perkara 47 (a) Perlembagaan Persekutuan. Tiap-tiap warganegara yang bermaustatin di dalam Persekutuan ini dan berumur tidak kurang daripada 30 tahun adalah layak untuk menjadi seorang Ahli Dewan Negara dengan syarat tidak terlucut kelayakannya mengikut Perkara 48. Oleh kerana dua orang yang akan dipilih, maka tiap-tiap Ahli-ahli Dewan mempunyai dua undi sahaja dan jika sekiranya manamana ahli mengundi lebih daripada apa yang dibenarkan itu, maka undi lebih itu adalah batal atau tidak sah.

Sekarang saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengemukakan cadangan masing-masing untuk mengisi dua kekosongan ini. Dua calon yang mendapat bilangan undi yang banyak sekali akan dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi tempoh 3 tahun mulai hari ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim Bin Saad):**

Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan Encik Lim Chien Aun dan Encik Abdul Rashid bin Ismail sebagai Ahli-ahli Dewan Negara, mengikut Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan.

Encik Lim yang berumur 42 tahun adalah Pengerusi dan Pengarah sebuah syarikat Penilai-penilai Berdaftar, Ejen-ejen Harta dan Pengurus-pengurus Harta. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Pulau Pinang sebelum meneruskan pengajian lanjutan di United Kingdom, di mana beliau telah berjaya memperolehi Diploma 'Urban Estate Management' dan Sijil Lanjutan dalam 'Urban Land Studies' dengan izin.

Encik Lim memulakan kerjayanya sebagai seorang Penolong Penilai dengan sebuah syarikat di London pada tahun 1973. Pada tahun 1974, beliau mula berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan di Bahagian Penilaian Harta, Perbendaharaan Malaysia sehingga tahun 1978. Pada tahun itu beliau telah mula berkecimpung dalam perniagaannya sendiri sehingga ke hari ini.

Di samping menjadi ahli beberapa pertubuhan profesional seperti 'Incorporated Association of Architects and Surveyors, United Kingdom' dan 'Institute of Surveyors, Malaysia', beliau juga giat terlibat dalam bidang politik. Kini beliau memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat serta Pengerusi Biro Perumahan Negara, Parti Gerakan Rakyat Malaysia. Di peringkat negeri pula, Encik Lim adalah Pengerusi Cawangan Dato. Keramat, Naib Pengerusi Bahagian Jelutong, Ahli Jawatankuasa Perhubungan Negeri dan Pengerusi Biro Perumahan Negeri Pulau Pinang bagi Parti Gerakan.

Encik Lim telah banyak menyumbang kepada aktiviti-aktiviti masyarakat. Beliau adalah Pengerusi Persatuan Penduduk Cangkat Mewah, Minden Heights sejak tahun 1984, Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Minden Heights, Ahli Lions Club, Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bukit Jambul Country Club, Presiden Persatuan Bowling Pulau Pinang dan Penasihat kepada Persatuan Buddhist Bayan Baru serta Persatuan Penjaja-penjaja Pasar Malam Pulau Pinang. Beliau juga telah memberi perkhidmatan kepada sektor awam sebagai ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang dalam tahun 1982 - 1989 dan kini beliau menjadi ahli Jawatankuasa Tapak Pesta Pulau Pinang.

Bagi mengenangkan jasa-jasa beliau, Encik Lim telah dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian oleh T.Y.T. Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang dalam tahun 1985. Beliau juga dilantik sebagai seorang Jaksa Pendamai.

Tuan Speaker, saya percaya dengan pengalaman yang begitu luas sebagai seorang ahli politik dan penglibatannya dalam hal-hal kemasyarakatan, Encik Lim adalah

seorang calon yang sangat sesuai untuk memegang jawatan Ahli Dewan Negara bagi Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, Encik Abdul Rashid bin Ismail dilahirkan pada Februari, 1943 dan bersekolah sehingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia di Pulau Pinang. Beliau kini adalah seorang ahli peniaga di samping memegang jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Pada masa yang sama, Encik Abdul Rashid telah melibatkan diri dalam arena politik sepenuh masa. Beliau pernah menjadi Ketua Pemuda UMNO Bahagian Jelutong daripada tahun 1980 sehingga tahun 1984 dan Timbalan Ketua bagi Bahagian yang sama daripada tahun 1985 sehingga tahun 1987 dan mulai tahun 1988 beliau telah dilantik sebagai Ketua UMNO Bahagian Jelutong.

Selain daripada itu, Encik Abdul Rashid telah banyak menyumbang tenaga dan khidmat kepada organisasi-organisasi sosial, sukan dan aktiviti-aktiviti termasuk Pengerusi Koop Majlis Perbandaran dan Badan-badan Berkanun Pulau Pinang, Naib Pengerusi Koop Angkasa Negeri Pulau Pinang, Naib Pengerusi Kesatuan Koop Pulau Pinang, Pengerusi Jawatankuasa Kariah Sungai Pinang, Yang DiPertua Persatuan Bolasepak Melayu Pulau Pinang, Yang DiPertua Bolasepak Baharul Alam Pulau Pinang, Pengerusi Lembaga Takbir Sekolah Menengah Abdullah Munshi, Penasihat Belia MAYC Daerah Timur Laut, Penasihat Belia Ketunas dan Penasihat Rukun Tetangga, Sungai Pinang.

Sebagai pengiktirafan sumbangan dan khidmat beliau, Encik Abdul Rashid bin Ismail telah dianugerahkan Jaksa Pendamai dalam tahun 1980, Pingat Jasa Kebaktian dalam tahun 1984 dan Pingat Kelakuan Terpuji dalam tahun 1988 oleh Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang sementara pada tahun 1989, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong telah menganugerahkan beliau dengan Pingat Ahli Mangku Negara. Penerangan ini jelas menunjukkan bahawa Encik Abdul Rashid bin Ismail memang layak dipilih sebagai Ahli Dewan Negara untuk

mewakili Negeri Pulau Pinang.

Oleh yang demikian, saya dengan sukacitanya mencadangkan Encik Lim Chien Aun dan Encik Abdul Rashid bin Ismail dipilih sebagai Ahli-ahli Dewan Negara bagi mewakili Negeri Pulau Pinang mulai daripada hari ini untuk tempoh 3 tahun.

Saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyokong usul saya ini dengan sebulat suara.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Encik Lim Heng Tee dan Y.B. Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih di atas segala sumbangan yang telah mereka beri semasa perkhidmatan mereka yang telah tamat pada 26 Disember, 1989.

Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:**

Ada cadangan lain? Kalau tidak ada, dengan ini saya mengisytiharkan Encik Lim Chien Aun dan Encik Abdul Rashid bin Ismail dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi tempoh 3 tahun mulai hari ini.

**Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):**

Tuan Speaker, saya cadangkan Dewan ditangguhkan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff Bin Haji Omar):**

Tuan Speaker, saya menyokong.

**Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.15 tengah